



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN HAJI MOHAMED BIN JUSOH  
PENGERUSI KELAB KHAT NEGERI TERENGGANU

OLEH:

NUR AQILAH BINTI RAHMAD

2011219476

NOR AINSAH BINTI ABDULLAH

2011225774

SITI MARIAM BINTI MD NOOR

2011294732

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN HAJI MOHAMED BIN JUSOH  
PENGERUSI KELAB KHAT NEGERI TERENGGANU

OLEH:

NUR AQILAH BINTI RAHMAD

2011219476

NOR AINSAH BINTI ABDULLAH

2011225774

SITI MARIAM BINTI MD NOOR

2011294732

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan hidayah-Nya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai masalah yang kami hadapi sebelum dan selepas sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Pendokumentasian Lisan, Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi komen dan nasihat yang berguna kepada kami bagi memastikan tugas ini lengkap dan memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tokoh sejarah lisan iaitu Tuan Haji Mohamed bin Jusoh kerana sudi member kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami.

Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa kami kerana telah banyak memberi sokongan kepada kami sama ada dari segi kewangan ataupun semangat dalam menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan perjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan .....	i
Isi kandungan.....	ii
Abstrak .....	iii
Biodata tokoh .....	iv
Transkrip Wawancara .....	1 - 108
Senarai soalan .....	109-113
Log Wawancara .....	103-106
Indeks .....	107-108
Rujukan .....	109-110
Lampiran	

## ABSTRAK

*Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tuan Haji Mohamed bin Jusoh mengenai kerjaya beliau dalam bidang kewartawanan dan seni khat. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam bilik kerja beliau di kediaman beliau, Kuala Terengganu pada 25 Oktober 2013 bermula pada jam 9.00 pagi. Beliau merupakan salah seorang tokoh kewartawanan dan seni khat yang terkenal bukan sahaja di Kuala Terengganu bahkan di peringkat antarabangsa. Beliau telah menceburkan diri dalam bidang seni khat semenjak berumur dua puluh empat tahun sehingga ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang kewartawanan dan seni khat. Temubual ini menumpukan tentang pengalaman beliau sepanjang menjadi pengerusi persatuan kelab khat Kuala Terengganu dan pengalaman sebagai wartawan. Selain itu, beliau turut memberikan pendapat dalam usaha memperkasakan lagi seni khat khususnya di Kuala Terengganu.*

*Kata kunci: Tuan Haji Mohamed bin Jusoh, kewartawanan, senikhat, pengerusi, Kuala Terengganu.*

# **BIODATA TOKOH**

# Biodata Tokoh

---



---

## MAKLUMAT DIRI

Nama	:	Mohamed bin Jusoh
Asal	:	Marang, Terengganu
Status	:	Sudah berkahwin
Jawatan	:	Presiden Kelab Khat Negeri Terengganu
Bidang	:	Kewartawanan, Universiti Filipina
Email	:	matnangka2004@gmail.com
No. Tel	:	019-9349424

---

## TAHAP PENDIDIKAN

Diploma Jurusan Kewartawanan, Universiti Filipina

---

---

## **JAWATAN LAIN**

Editor Perunding, Pengaran, Penerbit & Penedar Buku

(Pengerusi Eksekutif MEH MEDIA ENTERPRISE & SEMUDERA DIDIK)

Setiausaha Persatuan Karya Terengganu (KARYA)

Setiausaha Majlis Pengarang & Sastera Terengganu (MASTER)

Setiausaha Persatuan Daruttarbiyyah Penempatan Anak-anak Yatim Puteri, Kuala Terengganu (PEDATI)

AJK Kelab Veteran Utusan Melayu Malaysia (KVUM)

AJK Majlis Kebudayaan Negeri Terengganu (MKN)

AJK Majlis Teater Negeri Terengganu (MTN)

Ahli Seumur Hidup Persatuan Pelancong Negeri Terengganu (PPNT)

---



Bahagian A : Latar belakang

**Aqilah :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum dan selamat pagi saya ucapkan kepada Tuan Haji Mohamed kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi temuramah ini. Sebelum kita pergi dengan lebih mendalam, izinkan saya memperkenalkan diri saya terlebih dahulu. Saya, Nur Aqilah binti Rahmad bersama kawan - kawan saya, Siti Mariam binti Md. Noor dan Nor Ainsah binti Abdullah akan menemuramah Tuan Haji Mohamed tentang pengalaman - pengalaman dalam hidup beliau sebagai pengerusi Kelab Khat Negeri Terengganu dan sebagai seorang bekas wartawan. Kami merupakan pelajar tahun akhir Izajah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan. Sesi temuramah ini diadakan bagi memenuhi tugas subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) yang diberikan oleh Pensyarah Kami, Puan Nor Kamariah binti Chik. Kami telah memilih Tuan Haji Mohamed sebagai tokoh yang kami ingin wawancara kerana kami ingin mengetahui lebih lanjut tentang bidang kewartawan dan juga bidang seni khat. Kami amat mengagumi Tuan Haji Mohamed kerana telah terlibat dalam dua bidang yang berbeza.

Tuan Haji : Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya sebenarnya bermula dengan karier saya dengan seorang guru. Saya *tiga* [3] tahun mengajar, *lepas tu* [selepas itu], saya berhenti. *Tak* [tidak], saya *tak* [tidak] berhenti, saya ditawarkan untuk bekerja di lembaga peperiksaan kementerian pelajaran itu. Kebetulan, *jabat* [pejabat] lembaga peperiksaan di kementerian Kuala Lumpur itu berhampiran dengan apa *ni* [ini] radio siaran untuk sekolah masa *tu* [itu]. Jadi kebetulan masa *tu* [itu], Malungun jadi pegawai bahagian pendidikan itu, dia *mintak* [minta] saya tulis

mengenai sejarah, sejarah tokoh-tokoh seluruh dunia lah, seperti pendidikan apa semua *tu* [itu]. Jadi, saya masa *tu* [itu] digelar guru sejarah. Tiap-tiap minggu saya buat *crita-crita* [cerita-cerita] sejarah lah sebab mat sulong tu, dia tahu saya terlibat dalam bidang penulisan, saya banyak menulis masa *tu* [itu], masa sekolah lagi saya menulis, saya jadi *editor* [pengarang] majalah Sekolah Sultan Sulaiman *dulu* [dahulu], saya *SS* [SMK Sultan Sulaiman] *jugok dulu* [juga dahulu]. *Lepah tu* [selepas itu] lama-kelamaan bermula saya jadi guru sejarah, guru sejarah dekat radio sekolah sekolah *tu* [itu]. Kemudian, utusan melayu *nak* [mahu] terbitkan akhbar mingguan, Utusan Pelajar nama, mula-mula sekali Utusan Pelajar. Jadi bila dah terbit Utusan Pelajar *tu* [itu], kebetulan dia lantik Malungun sebagai pengarang. Jadi Malungun tawar saya *kerja* [bekerja] *sama* [bersama] dia, sebagai salah *sorang* [seorang] *editor* [pengarang] sidang pengarang di utusan melayu lah, dibawah utusan baru, Utusan Pelajar. Selepas saya terlibat, saya baru berhenti dengan lembaga peperiksaan, terus bertugas sebagai salah seorang *editor* [pengarang] sidang keluaran Utusan Pelajar dibawah syarikat besar kumpulan utusan melayu malaysia berhad. *Tu* [itu] sejarah dulu. Kemudian, - - -

**Ainsah :** **Baiklah, sekarang saya akan mulakan dengan biodata tuan haji. Apakah nama sebenar tuan haji?**

Tuan Haji : Saya nama saya Mohamed bin Jusoh.

**Ainsah :** **Apakah nama panggilan tuan haji?**

Tuan Haji : Banyak nama yang saya gunakan dalam penulisan saya terutama dalam bidang kewartawanan, berita lah, rencana, cerpen, sajak, drama, skrip-skrip drama yang saya buat. Saya masa di sekolah pun saya buat skrip drama. Skrip drama *tu* [itu],

kalau orang sekolah sultan sulaiman, dia tahu,- -Barangkali masa saya tingkatan *empat* [4], tingkatan *lima* [5], saya terlibat dalam pengerusi, saya sebagai pengerusi persatuan budaya dan sastera terengganu, persatuan debat bahasa, jadi, saya terlibat masa *tu* [itu] saya ditugaskan di sekolah *masa* [semasa] menyambut hari guru sekolah saya masih ingat lagi, *masa* [semasa] saya tingkatan *empat* [4] *tu* [itu], seorang guru nama Cikgu Abu Bakar, cikgu bahasa BM, dia *mintak* [minta] saya jadi penulis skrip drama, dia tahu saya ada drama-drama saya ada terbit *kat* [di] radio, penulis skrip drama dan pengarah, arah skali drama. Daripada situ lah saya bermula, mengenali diberi tugas saya sebagai salah *sorang* [seorang] sidang pengarang di majalah sekolah lah. Di situlah bermulanya saya terlibat dalam bidang kewartawanan dengan berbagai-bagai nama. Saya *buh* [meletakkan] nama Mohd Jahali, Mohd Zamri, Mohd, *tapi* [tetapi] Mohd lah, Mohd Amin, ataupun Mohd Zaharmin. Itulah *empat* [4] nama yang popular lah masa *tu* [itu].

**Ainsah :** **Tahun bilakah tuan haji pergi ke mekah?**

Tuan Haji : Saya nak cerita pergi mekah ni, *empat* [4], *lima* [5] kali *jugok* [juga] lah. Saya buat haji besar tahun *sembilan belas lapan puluh* [1980]. Kemudian, *sembilan puluh* [90-an] dan akhir skali masa saya, *lepas* [selepas] saya bersara, *dua* [2] tahun, 2006 begitu lah. 2006, 2008. *Dok* [tidak], 2006. Kemudian, umrah *tu* [itu], selalu saya *bawak* [membawa] semua. Saya masih ingat lagi masa saya pergi umrah *tu* [itu], saya dengan isteri saya dan semua anak-anak saya *tujuh* [7] orang, masa *tu* [itu] *enam* [6] orang anak. *Lepas* [selepas] anak saya yang sulong *ambik* [menduduki] peperiksaan SPM, hari ni [in] dia habis *periksa* [peperiksaan] esok, saya terus berlepas *gi* [pergi] umrah bersama *satu* [1] keluarga. *Masa tu* [pada masa itu] pengalamannya mudah sangat. *Masa tu* [pada masa itu] tahun *sembilan belas* [19],

masa perang Iraq *dulu* [dahulu], *sembilan belas, lapan puluh sembilan* [1989]. *Masa tu* [pada masa itu] tidak ada orang yang *nak* [hendak] takut, orang takut semua *nak* [hendak] *gi* [pergi ke] mekah. *Mak* [emak] saya, ayah saya, masa ayah saya ada, dia larang saya pergi mekah. Jangan pergi mekah, jangan pergi dik, umrah. *Masa tu* [pada masa itu] takut perang. Saya sendiri berani sebab saya *dah* [sudah] pernah, pengalaman sebagai *sorang* [seorang] wartawan, saya pergi hampir ke seluruh dunia lah. Buat liputan ikut menteri-menteri, saya tahu apa yang jadi reaksi yang akan takut anak-anak- -Saya *bawak* [membawa] anak-anak saya, *kecik-kecik* [kecil-kecil] saya *bawak* [membawa]. Yang *kecik* [kecil] skali yang umur anak saya dalam tiga [3] tahun. Yang *nam* [anak yang ke-6]. Semua pergi mekah, buat umrah. Saya naik kapal terbang, saya ingat, *sdare-sdare* [saudara-saudara] saya *nangis* [menangis] *blake* [semua], jangan pergi lah, katanya orang perang, *masa tu* [pada masa itu] memang betul perang. Saya rasa masa *flight* [penerbangan] *tu* [itu], orang kata, saya naik atas *flight* [kapal terbang] *tu* [itu], orang bagitahu sedang berperang di bawah, Iraq. *Lalu kut itu* [melalui kawasan itu]. Kita berhenti di Dubai sebagainya, itu pengalaman paling saya suka, *tapi* [tetapi] anak-anak saya *takda* [tidak ada] apa-apa. Isteri saya pun, dia\_saya ikut, saya kata *takpa* [tidak apa], kita pergi *je* [sahaja]. Sebab nak *bawak* [membawa] anak-anak. Niat nak pergi *bawak* [bawa] semua skali kan, anak-anak. Pergi lah. Tu kali yang *kedua* [2], yang *ketiga* [3], umrah ada *tiga* [3] kali, haji ada baru *dua* [2], *tiga* [3] kali *jugok* [juga] lah. *Gitulah* [begitu lah] rasanya.

**Ainsah :** Berapakah umur tuan haji sekarang?

Tuan Haji : Sekarang, *tujuh belas* [17] november ni, genab *enam puluh tujuh* [67] tahun. *Tujuh belas* [17] november, *tujuh belas* [17] november ni- - (sambil berfikir).

**Ainsah :**      **Apakah hobi tuan haji?**

Tuan Haji :    Hobi saya memang melancong lah. Masa saya tugas *tu* [itu], memang banyak tempat saya *gi* [pergi] melancong, ada masa saya *bawak* [membawa] anak, *bawak* [membawa] isteri, kadang saya *gi* [pergi] *sorang* [seorang]. Macam- - -sebagai contoh, sampai sekarang pun hobi saya memang melancong. Sejak saya\_ \_ . Isteri saya pun *enam* [6] tahun *ni* [ini] boleh dikatakan dia belajar di, isteri saya belajar di\_ universiti\_ pendidikan, di *UK* [United Kingdom] lah. Dia *tak* [tidak] pernah pergi *sebelah alik* [bahagian] Australia, Indonesia, *ye* [dia] main alik *europa je* [sahaja]. Kita *dah* [sudah] pergi dah. Dan saya *ok* [baik]. Boleh kata hampir, setahun *tu* [itu] *dua* [2] kali saya pergi *oversea* [luar negara]. Saya pergi ke New Zealand baru *ni* [ini], saya pergi “Haik”. Saya pergi *tu* [itu] *pakai* [dengan] *hand carry* [tangan kosong] *je* [sahaja], *dua* [2] orang. Pergi Melbourne, daripada Melbourne, *dua* [2] *tiga* [3] malam pergi ke New Zealand, *pahtu* [selepas itu] *balik* [pulang]. Sewa\_ \_jugak [juga] lah. Di New Zealand, saya jumpa pelajar-pelajar sana, saya suka pergi jumpa *member-member* [kawan-kawan] yang ada kenal *tu* [itu], *gi* [pergi] jumpa pelajar. Kita jumpa dengan pelajar-pelajar, *lecturer* [pensyarah] sana, kita *discuss* [berbincang] dialog dengan dia. Saya suka mengambil pengalaman daripada *lecturer-lecturer* [pensyarah-pensyarah] di luar negeri lah. Dan saya ramai jumpa pelajar-pelajar Terengganu di sana, seronok *ambik-ambik* [mengambil] gambar semua sekali, semasa di Universiti Melbourne ada, Universiti New Zealand, *apa ni* (sambil berfikir nama universiti) universiti tertua di New Zealand.

**Ainsah :**      **Apakah makanan dan minuman kegemaran tuan haji?**

Tuan Haji :    Minuman, memang milo lah, dari *dulu* [dahulu] milo *je* [sahaja] minum. Makan tu

[itu], biasa lah saya makan, macam buah, saya suka buah nangka lah. Nasi, biasanya nasi dagang lah, *kepok* [keropok lekor] *gitu lah* [begitulah]. Sebab tu email saya, nama mat nangka saya guna dulu. Sebab dalam penulisan saya pun, saya ada *column* [ruang] di utusan *tu* [itu], mat nangka, bergetah sikit lah, jadi orang takut lah. Sampai sekarang saya pakai email. Gmail pun mat nangka. *Ni* [ini] pun yahoo, mat nangka *gok* [juga]. *Saja nak cerita la* [Cuma mahu bercerita]. (Tuan Haji ketawa).

**Ainsah :** **Apakah warna kegemaran tuan haji?**

Tuan Haji : Saya sebenarnya, terus terang, saya suka semua. *Tapi* [tetapi] saya *nak* [mahu] *colour* [warna] yang *bright-bright* [terang-terang]. Kalau biru yang *bright* [terang]. Hijau pun *bright* [terang]. Saya suka yang terang-terang. Biasanya putih lah yang saya suka.

**Ainsah :** **Apakah lagu kegemaran tuan haji?**

Tuan Haji : Lagu banyak *ar* [lah] lagunya. Macam-macam. Terutama, saya suka lagu-lagu nasyid *ar* [lah].

**Ainsah :** **Siapakah idola tuan haji dari kecil hingga sekarang?**

Tuan Haji : Idola ni, saya sebenarnya ramai *jugok* [jaga] *tapi* [tetapi] saya sebenarnya saya minat dalam bidang kewartawanan, jadi, saya, kalau tokoh wartawan dulu, macam Aziz Ishak, apa ni (sambil berfikir), Ishak bin Muhammad. *Masa* [semasa] saya *belum* [sebelum] masuk bidang kewartawanan *ni* [ini], *masa* [semasa] saya jadi [menjadi] *cikgu* [guru], saya *dah* [sudah] pergi dah ke rumah Dato' Ishak Muhammad ni, di Hulu Langat. Saya minat sangat dia.

**Ainsah :** **Bilakah tuan haji dilahirkan?**

Tuan Haji : Saya *tujuh belas* [17] november *sembilan belas empat puluh enam* [1946].

**Ainsah :** **Dimanakah tuan haji dilahirkan?**

Tuan Haji : Saya sebenarnya dilahirkan dalam daerah Marang lah, di Kijing, kemudian saya dibesarkan di Rusila.

**Ainsah :** **Apakah nama bapa dan ibu tuan haji?**

Tuan Haji : Nama emak Timah binti Ahmad, bapa, Jusoh bin Musa, Haji Jusoh.

**Ainsah :** **Berapakah bilangan adik-beradik tuan haji?**

Tuan Haji : Saya ada *tujuh* [7] orang adik-beradik. Eh, *enam* [6] orang adik-beradik sebab kematian. Saya yang tengah sekali. Sekarang, abang saya *dua* [2] orang telah meninggal, tinggal saya lah, dan kemudian, ada adik *je* [sahaja] *dua* [2] orang lagi.

**Ainsah :** **Adakah semua adik-beradik tuan haji sudah berkeluarga?**

Tuan Haji : Semua berkeluarga *dah* [sudah]. Anak-anak pinak semua *dah* [sudah].

**Ainsah :** **Dimanakah adik-beradik tuan haji sekarang?**

Tuan Haji : *Sorang* [seorang] ada di Kuantan, yang bongsu. Dia memang menetap disana sebab dia kahwin orang Rhu Dua, *tapi* [tetapi] *dah* [sudah] lama bertugas di Lembaga Eletrik Negara. Masa dia sekolah dulu pun, dia *dah* [sudah] bersama saya di *KL* [Kuala Lumpur] dulu. Saya yang *beri* [memberi] pelajaran semua sekali kan. Kemudian, dia dapat kerja di Kuantan. Terus dia menetap di Kuantan sekarang *ni* [ini]. Yang *sorang* [seorang] lagi ada di rusila.

**Ainsah :** Bolehkah tuan haji menceritakan sedikit tentang zaman kanak kanak tuan haji?

Tuan Haji : Zaman kanak-kanak *ni* [ini], bukan *nak* [hendak] kata, saya nakal *jugok* [juga] lah. Maknanya, *crita* [cerita] terus terang lah, saya ni suka sukan. Sukan ni kadang-kadang dalam bendang padi pun saya *gi* [pergi] masa-masa, ikut ibu saya *gi* [pergi] bendang sawah pun, saya berlari dalam bendang. Kadang hadis kotor *skali* [semua]. *Mok* [emak] *maroh* [marah] lah kan. Kemudian bila balik petang saya pergi pantai, saya berlari tepi *pata* [pantai]. Tepi pata *tu* [itu] ramai *budok-budok* [budak-budak] *puan* [perempuan] lah. Saya masa tu *paka* [memakai] *minyok* [minyak] kuda kan. *Minyok minyok* [minyak-minyak] kuda *nak* [hendak] lari, *nak* [hendak] *tahan*, *minyak kuda* [guna minyak kuda untuk tahan untuk berlari]. Jadi, *budok-budok* [budak-budak] perempuan anak dara *hok kecil-kecil tu* [yang kecil-kecil itu], *ye* [dia] seronok lah. Dia kata, apa ni (sambil berfikir)- - *Masa tu* [semasa itu], *nak* [hendak] *cakap* [bercakap] terus terang lah, kat kampung saya, Rusila tu jarang orang masuk sekolah Inggeris sebab pakai seluar pendek. *Tak ada* [tiada] pakai seluar panjang. Orang kata saya ni sekolah *kafir* [kafir]. Semua orang kata saya sekolah *kafir* [kafir] *lake* [semua]. *Tapi* [tetapi] *tak de* [tiada] seorang pun tahu kayuh basikal dari Rusila *lapan* [8] batu masa tu darjah *empat* [4] dalam *standard* [darjah] *empat* [4], jadi maknanya umur dalam *sembilan* [9] tahun kayuh basikal *lapan* [8] batu dari Rusila tiap-tiap hari. Balik, belajar *ugama* [agama] di sekolah agama petang di Rusila. Bahasa Arab blajar. Kadang situ sekolah Inggeris dulu. Masa balik tu orang cakap ni orang sekolah kafir *balik doh* [sudah pulang]. Semua orang cakap. *Tak dop* [tiada] orang sekolah tu. *Masa tu* [pada masa itu], saya *dok tahu* [tidak tahu] lah macam mana keluarga saya benarkan saya sekolah tu.



Mungkin sebab saya terpilih diantara banyak banyak tu masuk ke Special Malay Class, jadi saya yang dapat masuk. *Masa tu* [pada masa itu] darjah *empat* [4], *periksa tu* [peperiksaan itu], *Special Malay Class* [SMC] dia panggil kan, SMC, jadi dia darjah *empat* [4], boleh masuk sekolah pilihan. Saya lulus dengan cemerlang. Saya *dua* [2] orang. Sorang *tu* [itu] masuk di sm federal\_. *Dah* [sudah] meninggal, namanya Ismail Mamat pernah menjadi setiausaha politik Datuk Manan dulu. Kemudian belajar di Australia. Kemudian, saya sendiri sebenarnya dapat peluang dapat ke MCKK. *Tapi* [tetapi] oleh kerana keluarga tak benar saya pun malas *nak* [hendak] terima, lagipun orang situ fikiran dia macam sempit sikit. Dia tak benar anak-anak dia belajar luar negeri. Saya tak pergi lah di MCKK, saya belajar di *SS* [Sultan Sulaiman English School]. Sampai ke kadang-kadang- - -Kalau *nak* [hendak] ceritanya, kalau saya *tak* [tidak] pergi *SS* [SMK Sultan Sulaiman], mungkin saya jumpa dengan Anwar Ibrahim dengan Yahaya Ahmad. Tan sri Yahaya Ahmad yang meninggal *tu* [itu]. Belajar sini sekejap lepas itu dia pergi SMKK, masa dia bertugas pun dia pernah *ambik* [ambil] saya. Dia kata Mat, *you* [awak] kerja dengan utusan petang, pagi *you* [awak] kerja *kat* [di] sini. Saya tolong-tolong lah bantu dia buat majalah dan sebagainya masa dia hidup.

**Ainsah :** **Bilakah tuan haji berkahwin?**

Tuan Haji : Saya kahwin tahun *tujuh puluh satu* [71] selepas *tiga* [3] tahun bertugas di utusan Melayu. *Masa itu* [pada masa itu], Utusan Pelajar, di Utusan Melayu lah, Utusan Melayu ni boleh *jugok* [juga] lah, apa apa hal pelajaran pendek kata di utusan Melayu kebanyakan cerita-cerita sampai pendidikan saya lah yang masa *tu* [itu] *tak ada* [tiada] major pendidikan lagi kan, bahan-bahan pendidikan, macam saya *tu* [itu] rapat dengan Hussein Onn, boleh *gi* [pergi] masuk bilik dia, *pegawai* [sebagai

pegawai]. Jadi, *benda-benda* [hal-hal] hal pembelajaran, pendidikan, hal universiti, universiti malaya ke apa ke, saya dapat *tip* [bahan] *dulu* [dahulu]. Saya yang menulis *dulu* [dahulu], saya yang menulis *kat* [di] Utusan Pelajar. Kemudian, Utusan Melayu, Utusan Malaysia, dia petik apa yang saya tulis dalam Utusan Pelajar *tu* [itu], masuk dalam Utusan Melayu balik. Maknanya besarnya bidang pendidikan. *Masa tu* [pada masa itu] pendidikan kurang orang ceburi kan. Dan *cikgu-cikgu* [guru-guru] pun mungkin *tidak ada* [tiada] dalam Utusan Melayu. \_macam Malungu tu, dia bekas *cikgu* [guru] kan. *Lepah tu* [selepas itu] baru *kedian* [kemudian] lepas saya tu baru lah Salleh Hamzah, *ye* [dia] *ambik* [mengambil] Matluk pun, Matluk yang baru meninggal *baru ni* [baru-baru ini]. *Pok* [pak] Matluk *ni* [ini] *duduk* [berada] di bahagian jawi *tu* [itu]. *Tu* [itu] *critanya* [ceritanya] *sikit* [sedikit].

**Ainsah :** **Jika tuan haji tidak kisah, bolehkah kami bertanya tentang arwah isteri tuan haji?**

Tuan Haji : Isteri saya *ni* [ini] memang- - -Dia *ni* [ini] *nak* [hendak] kata *sedare-sedare* [bersaudara] *jugok* [juga] lah. *Dekat* [berhampiran] rumah, jiran sekampung lah. *Nak* [hendak] *tahu* [mengetahui] nama dia, orang kampung panggil Mek Wok. Dia \_  
\_lah. *Tapi* [tetapi] nama dia Khatijah binti Mat Ali. Dia orang kampung panggil Mek Wok *ni* [ini] sebab dia *ni* [ini] antara yang boleh jadi *nak* [hendak] kata, *comel* [cantik] lah. Orang ramai *nak* [minat] kat dia. *Tackle* [cuba dapatkan] dia. Memang *comel* [cantik] lah dia *ni* [ini]. Jadi, ramai orang *mintak* [meminta mahu dijadikan isteri]. Saya *tak* [tidak] tahu. \_ \_ \_ Saya *dok* [tidak] kisah. Saya *dok* [tidak] kisah *sape-sape* [siapa-siapa] pun. *Masa tu* [pada masa itu] saya *tak* [tidak] kisah *pempuan* [perempuan-perempuan] *ni* [ini], ramai *girlfriend* [kawan wanita] saya,

kawan-kawan pun. Ramai orang minat. Betul, cakap terus terang. Bukan kata saya comel, *dok* [tidak]. *Tapi* [tetapi] orang minat kita. *Dok* [tidak] tahu lah macam mana \_\_Jadi orang minat kita. Saya pun *dok* [tidak] kisah lah. Di kampung, gitu *gok* [begitu juga]. Jadi mungkin dia pun, keluarga dia *dah* [sudah] *pakat* [berpakat] dengan keluarga saya lah. *Masa* [semasa] saya kerja tu, tiba-tiba dia *kabor saya* [bagitahu kepada saya]. Kita pun *takde* [tiada] apa lah. Kita *girlfriend* [kawan wanita] ramai *masa tu* [pada masa itu]. Yang minat-minat tu ada lah, *tapi* [tetapi] *dah* [sudah] pilihan keluarga, saya kahwin je lah dengan dia. *Tu je lah* [begitu sahaja lah]. Pilihan keluarga kan.

**Ainsah :** **Bilakah arwah isteri tuan haji meninggal dunia?**

Tuan Haji : Dia meninggal tu *masa* [semasa] saya bersara *dua* [2] tahun. *Dua ribu tujuh* [tahun 2007]. Ada surat kematian *tu* [itu]. Ada dalam tu (sambil menunjukkan ke arah satu album gambar) kalau *nak* [mahu] *tengok* [lihat].

**Ainsah :** **Apakah pekerjaan arwah isteri tuan haji?**

Tuan Haji : Dia sebenarnya, pada mulanya, saya difahamkan dia *ni* [ini] kerja *jugok* [juga] lah. Dia belajar arab. Jadi mungkin keluarga dia *tak bagi* [tidak mengizinkan] dia bekerja. Ada jugok [juga] tawaran untuk jadi ustazah, tapi [tetapi] dia tolak. Dia *tak nak* [tidak mahu]. Dia mengajar kampung-kampung *gitu lah* [begitulah]. Ajar mengaji, *ajar agama* [ilmu Agama Islam] *geng-geng* [kawan-kawan], *budok-budok* [budak-budak] *gitu lah* [begitulah]. Sebab tepi kampung saya *tu* [itu], di Rusila, ada balai raya. Balai raya *tu* [itu] dekat dengan rumah saya lah. Dekat dengan rumah dia *gok* [juga]. Sebab *jiran* [berjiran] kan. Saya boleh kata tiap-tiap hari, bermalam. Saya memang berminat. Orang lain tidak ada yang berminat pergi ke balai raya *tu*

[itu] kan. Jadi sambil-sambil *tu* [itu] saya- - jadi dia pun kadang-kadang dia pergi jemur padi, pada masa *tu* [itu], *takde* [tiada] apa-apa. Saya gurau-gurau dengan dia. Saya *tak* [tidak] tahu mungkin dia *tak ade* [tiada] minat *kat* [kepada] saya. Saya pun *takde* [tiada] minat-minat *kat* [kepada] dia. Saya *gi* [pergi] belajar situ. Saya petang-petang, saya pergi belajar situ, *sorang diri* [bersendirian]. Saya buka pintu, sebab balai raya *tu* [itu], orang *mintak* [meminta] saya yang jaga semua sekali buku-buku disitu. Orang *nak* [hendak] pinjam, saya yang *catit* [catat]. *Masa tu* [pada masa itu] saya tingkatan *dua* [2] atau tingkatan *tiga* [3]. Jadi kita *dah* [sudah] boleh, *dah* [sudah] berbudi dengan masyarakat. *Sebab tu* [itu]- - -Kemudian, saya tubuhkan persatuan belia *kat* [di] situ. *Masa tu* [pada masa itu] saya *form four* [tingkatan 4] lagi. Saya jadi pengerusi ragbi peringkat kebangsaan. Dan pengerusi bahagian ragbi Daerah Marang, Rusila. Kemudian, masa- - -saya yang *bawak* [membawa] persatuan belia ragbi di *KL* [Kuala Lumpur], sebab saya *sorang* [seorang] jawatankuasa ragbi Malaysia. Orang pertama jawatankuasa ragbi di Malaysia, wakil Terengganu lah. Saya yang ajak Dato' Abu Bakar Daud, Dato' Syed Ahmad, arwah Dato' Bakar, dia jadi pengerusi. Saya ingat masa *tu* [itu] dia Daerah Marang. Saya balik, saya kata *mintaklah* [minta], pada masa *tu* [itu] *dok Dato' lagi* [tidak bergelar Dato' lagi], En. Bakar jadi pengerusi. *Form five* [tingkatan 5] *tu* [itu] saya tinggallah. Saya *gi* [pergi] belajar di *KL* [Kuala Lumpur].

**Ainsah :** **Apakah nama isteri tuan haji yang sekarang?**

Tuan Haji : Wan Aminah Wan Endut. Dia *ni* [ini] generasi yang *keempat* [4] lah. Sheikh di Bukit Bayas lah. Tokoh Ulama', mufti pertama di Terengganu masa *sembilan belas lapan puluhan* [1980-an]. Sekejap ye (tuan haji meminta diri untuk mencari buku). (bunyi tuan haji mencari buku). Generasi *keempat* [4]. Sheikh Kadir Bukit Bayas,

*kenal dok* [kenal tak]? Ni, Sheikh Kadir Bukit Bayas (sambil menunjukkan sebuah buku) *tujuh belas lapan puluh empat* [1784] hingga\_. Generasi *keempat* [4] lah sebab ayah dia *tu* [itu] generasi yang *ketiga* [3]. Ayah dia baru meninggal umur *sembilan puluh lapan* [98] tahun. Jadi guru. *Masa* [semasa]\_ \_ \_, *dua* [2] tahun lepas lah. Ramai mari anak-anak murid dia, guru. *Budok-budok* [pelajar] *sekolah ugama Marang* [SMA Marang], yang *Zainal Abidin* [SMAAZA] dulu, guru besar, mari belajar sini. Mari belajar Bahasa Arab, bagus. Saya pun sempat belajar dengan dia lah. Dalam *lima* [5] tahun dia mengajar saya, belajar *ugama* [agama] dalam *ugama* [agama] belajar kitab-kitab ada banyak lah sampai sekarang. *Tapi dia tak ada* [tetapi bila dia sudah tiada], hilang lah. *Tu* [itu] yang alim ulama' lah, dia dapat tokoh, ayah dia. Tokoh- - -

**Ainsah :** Berapakah umur isteri tuan haji yang sekarang?

Tuan Haji : *Fifty-seven* [57] lah. Dia *lima puluh enam* [56], dia bersara awal. Dia guru Bahasa Inggeris lah. Mengajar tingkatan *enam* [6], mula di SESMA [Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud], Gong Badak. Kemudian, saya kata kesian kat dia *duk berulang* [asyik berulang-alik], *dah* [sudah] semakin tua *ni* [ini], saya ikhtiar tukar di *sekolah menengah Dato' Razali* [SMK Dato' Razali Ismail] *ni* [ini]. Jadi panjang lah ceritanya *nak* [hendak] boleh ke tukar *tu* [itu]. *Payah* [susah] *nak* [hendak] tukar *tu* [itu] sebab dia guru Sains. Guru sains *dok* [tidak] cukup orang. Jadi *tak* [tidak] lepas. Jadi terpaksa lah dia berulang, kesian *gi mari, gi mari* [berulang-alik], kadang-kadang malam, waktu tuyen, *saya nak* [hendak] *gi* [pergi] hantar, letih *ngat* [sangat], tukar sini. Senang lah dekat sikit. Sekolah Menengah Bandar, Dato' Razali.

**Ainsah :** Berapakah bilangan anak lelaki dan perempuan tuan haji?

Tuan Haji : Saya *empat* [4] perempuan, *tiga* [3] lelaki.

**Ainsah :** Apakah status anak-anak tuan haji?

Tuan Haji : Status *ni* [ini], *dua* [2] orang jadi *lecturer* [pensyarah], *lecturer* [pensyarah] UiTM *sorang* [seorang], USM *sorang* [seorang], kemudian, guru penolong di Gombak *sorang* [seorang], Sekolah Menengah Sungai Pusu, kemudian yang lain *tu* [itu], pengurus, pengarah- - yang *sorang* [seorang] lagi, Maizura *tu* [itu], kemudian, yang akhir, yang lelaki *tu* [itu], --- lelaki *tu dah* [sudah] bekerja dekat *airport tu* [lapangan terbang itu], kemudian, yang bongsu sekali, baru habis diploma, kemudian, mungkin dia sambung dan sibuk *nak* [mahu] kahwin *dah* [sudah]. *Teruk hok laki sorang ni* [teruk yang lelaki seorang ini], yang bongsu (sambil ketawa). Kata jangan kahwin lagi, belajar betul-betul dulu, belajar *dulu* [dahulu] lah, biar masuk universiti. Sebelum *ni* [ini], politeknik di Shah Alam.

**Ainsah :** Adakah anak-anak tuan haji sudah berkahwin?

Tuan Haji : Semua *dah* [sudah] berkahwin, jadi *sorang* [seorang] *je lah* [sahajalah], yang bongsu *sorang* [seorang] *tu* [itu], tengah cari isteri (sambil ketawa).

**Ainsah :** Adakah tuan haji sudah mempunyai cucu?

Tuan Haji : Cucu *dua belas* [12] orang *dah* [sudah], ramai. Yang anak yang sulong, laki, perempuan, laki perempuan (sambil mengira) *lima* [5] orang. Anak sulong, yang perempuan, yang kata guru besar di sekolah\_ \_ . Semua anak-anak saya di *KL* [Kuala Lumpur] *belaka* [semua]. Cuma *dua* [2] orang *je* [sahaja] balik sini.

**Ainsah :** Bagaimana pula dengan cicit?

Tuan Haji : Cicit belum lagi. Yang sulong *tu* [itu], anak lelaki *tu* [itu], tingkatan *empat* [4].

**Ainsah :** Pada umur berapakah tuan haji mula bersekolah?

Tuan Haji : Saya sekolah masa *tujuh* [7] tahun, *lapan* [8] tahun biasa lah. Sekolah Kebangsaan Rusila lah saya.

**Ainsah :** Dimanakah sekolah menengah tuan haji?

Tuan Haji : Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu. Sekolah Menengah Kebangsaan Rusila, kemudian, \_\_ masuk ke sekolah sultan sulaiman, *premier school* [sekolah menengah], *masa tu* [pada masa itu], aliran inggeris.

**Ainsah :** Semasa belajar, apakah mata pelajaran yang paling tuan haji minati?

Tuan Haji : Saya *nak* [hendak] bercakap terus terang, saya memang minat sastera, dalam persatuan-persatuan pun, *tapi* [tetapi] *masa-masa* [sewaktu] *periksa* [peperiksaan] SPM, saya masuk kelas \_\_. Saya suka akaun, kira-kira. Sebab saya lemah dalam kira-kira, saya *nak* [hendak] *cuba* [mencuba] masuk dalam bidang *tu* [itu]. Saya masuk \_\_. Saya *shocked hands* [kejutan] . Saya *shocked hands* [kejutan] dalam bahasa inggeris, *we are sorry* [saya minta maaf], \_\_ saya ingat lagi, sampai sekarang *ni* [ini], jadi, *ambik* [mengambil] *periksa* [peperiksaan] SPM, dia *tak* [tidak] benar saya *ambik* [mengambil] bidang sastera, saya *tak* [tidak] belajar langsung sastera. Ikhlas cakap, bahasa-bahasa sastera *masa tu* [pada masa itu], *tak* [tidak] belajar langsung, di kelas lah. *Tapi* [tetapi], saya *nak* [mahu] *ambik* [mengambil] sastera, saya *nak* [hendak] *mintak* [minta] *jugok* [juga]. *Mintak* [minta], saya *sorang saje*

[seorang sahaja], daripada kelas saya, saya *mintak* [meminta] *nak* [hendak] *ambik* [menggambil] mata pelajaran kesusasteraan melayu. Saya *tak* [tidak] belajar *masa* [semasa] tingkatan *empat* [4], tingkatan *lima* [5], *tak* [tidak] belajar. *Tapi* [tetapi] saya dapat A2 *dah* [sudah]. *Satu* [1] orang *cikgu tu* [guru itu], dia tahu saya minat sastera. *Tapi* [tetapi] saya *tidak* [tiada] peluang *nak* [hendak] *ambik* [menggambil] sastera-sastera. Sebab tu saya kata *shocked hands* [bidang terjun]. Saya suka belajar *shocked hands* [bidang terjun], *taip-taip* [menaip] *ni* [ini], saya suka. Sebab *tu* [itu] saya dalam kelas komas, *tak* [tidak] boleh, bidang sastera *dok leh* [tidak boleh]. Jadi saya *drop* [buang], lukisan saya minat *gok* [juga]. Saya *drop* [buang], saya *dok* [tidak] *ambik* [menggambil] mata pelajaran lukisan, saya ganti dengan sastera. Tidak ada orang kelas komas *ambik* [menggambil] sastera, *tapi* [tetapi], mungkin saya *sorang* [seorang] sahaja. *Tapi* [tetapi] saya, bukan *nak kata* [hendak dikata], saya seronok lah, dapat bagus lah sastera *tu* [itu], jadi cikgu *appreciate* [menghargai] lah. Dia kata kenapa *tak nak* [tidak mahu] masuk art-slim, sebab saya *dari* [daripada] kelas kormas.

**Ainsah :** **Dimanakah tuan haji menyambung pelajaran selepas sekolah menengah?**

Tuan Haji : Saya banyak sebenarnya. Sebab tu saya- -belajar, masuk maktab perguruan, *pahtu* [selepas itu], *ITM* [Institut Tinggi Mara] sekejap, diploma *je* [sahaja]. Selepas itu saya pergi sambung ke *Philipine* [Filipina], *Universiti Philipine* [Universiti Filipina], bidang kewartawanan *tu lah* [itulah].

**Ainsah :** **Apakah jawatan yang pernah disandang oleh tuan haji semasa di IPT?**

Tuan Haji : Saya banyak lah dalam bidang-bidang sosial. Kebanyakannya *masa* [semasa] saya bertugas lah banyak *tu* [itu].



**Ainsah :** Bolehkah tuan haji menceritakan pengalaman pahit dan manis tuan haji semasa bergelar pelajar?

Tuan Haji : Saya sebenarnya *masa* [semasa] belajar *ni* [ini], saya paling - -ada ramai yang suka, ada *jugok* [juga] yang *tak* [tidak] suka. *Masa* [semasa] *dulu* [dahulu], saya pengawas sekolah kan, pengawas sekolah *ni* [ini], sebenarnya cakap terus terang, saya hisap rokok, *tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] hisap rokok di sekolah. Saya main-main, suka-suka lah. Saya hisap rokok *tu* [itu], sebab *nak* [hendak] tahu siapa yang hisap rokok. Bila saya hisap rokok, buat-buat main sembur *skali* [sekali] *tu* [itu], saya tahu orang-orang *ni* [ini] hisap rokok. *Geng-geng* [kumpulan-kumpulan] *ni* [ini] hisap rokok, saya *report* [lapor] lah. *Report* [lapor], masuk dalam tandas, saya pegang, *tapi* [tetapi] *masa tu* [pada masa itu] mungkin saya *form five* [tingkatan 5], mungkin saya ada *dah* [sudah] jambang-jambang sikit kan, jadi orang takut. Dia kata anak pendekar. Saya memang betul ayah saya pendekar *dulu* [dahulu]. *Tokki* [aki] saya tok bomoh, guru-guru pendekar gayung lah. Dia kata, orang Rusila, anak pendekar ni, *dokleh tebeng main ni* [tidak boleh dibuat main-main]. Saya *tak* [tidak] kisah siapa - -masa tingkatan *empat* [4] lagi, budak tingkatan *lima* [5] pun takut *kat* [pada] saya, *masa tu* [pada masa itu]. Cakap terus terang, saya *report* [lapor] terus hisap rokok *atas bas* [dalam bas], nama. Kadang-kadang itulah saya dipanggil di cikgu. Dia *tak* [tidak] menagku. Akhirnya panggil kawan-kawan dia, kawan-kawan dia mengaku. *Tapi* [tetapi] maknanya, seolah-olah apa yang saya buat *tu* [itu], sebab saya *dok* [tidak] suka budak-budak *ni* [ini] hisap rokok di sekolah. Di luar, *tak* [tidak] kisah lah. Saya tahu geng-geng tu pun. Saya pun bukan hisap rokok sangat pun. *Tapi* [tetapi] main *nak* [hendak] tahu, *nak* [hendak] berkawan dengan dia *tu* [itu], saya *nak* [hendak] tahu dia *tu* [itu] budak baik ke budak jahat. Kita cari pengalaman. Dalam pengalaman *tu* [itu], saya buat cerita lah, drama lah, saya buat

cerpen lah, itu, *masa* [semasa] sekolah lagi saya mula menulis.

**Ainsah :** **Siapakah yang banyak memberi dorongan kepada tuan haji semasa belajar?**

Tuan Haji : Senang cerita, kira *mak* [emak] lah. Adik-beradik *ni* [ini] dia *tak* [tidak] *cara* [ambil tahu] mana. Ayah, boleh dikatakan kurang *sikit* [sedikit] lah. *Mak* [emak] yang banyak *beri tu* [dorongan]. Yang saya ingat, (gangguan). Saya *nak* [hendak] cerita *mak* [emak] saya sampai tergadai. (sambil menangis) Saya ingat, sedih- - -. *Takpelah* [tiada apalah], saya teringat, panjang ceritanya.

**Ainsah :** **Apakah cita-cita tuan haji semasa bergelar pelajar?**

Tuan Haji : Saya memang betul-betul nak jadi- - *Masa tu* [pada masa itu] *nak* [hendak] jadi penulis. \_ \_ \_ \_ \_ Saya suka menulis rencana, macam-macam saya tulis. Saya suka membaca kan, hobi saya membaca, jadi orang kata, \_ \_ saya pun jadi cikgu lah. Saya *tak* [tidak] minat pun jadi cikgu. Sampai saya sendiri *gelar* [mengelarkan] saya *ni* [ini] cikgu *bodo* [bodoh]. Saya ikut *saja* [sahaja], cikgu *bodo* [bodoh]. Saya masih ingat lagi sekarang *ni* [ini]. Sebab *tu* [itu] saya tinggalkan jawatan cikgu tu. Saya pergi ke, kebetulan dapat tawaran ke lembaga peperiksaan, bertugas sana selama setahun, jadi boleh terus. Saya *tak* [tidak] kisah pun, kerja-kerja, cikgu pun cikgu *gok* [juga]. Saya *ngajor* [mengajar] Bahasa Inggeris *masa tu* [pada masa itu]. Guru Bahasa Inggeris lah. Kemudian, buat kerja di Kementerian Lembaga Peperiksaan pun, adalah Bahasa Inggeris, buat terjemahan dari inggeris ke melayu, lebih kurang *gitulah* [begitulah] ceritanya. *Pastu* [selepas itu] boleh, guru sejarah pun, saya *ambik* [mengambil] bahan-bahan dalam bahasa inggeris. Baca buku tebal bahasa inggeris. Kita macam\_ Saya baca *dua* [2] para *je* [sahaja] *ambik* [ambil]. *Dua* [2] para kalau saya ulas balik dalam *dua puluh* [20] para boleh *gitulah* [begitulah]. Cerita pendek je, \_ polo, dalam buku inggeris *tu* [itu] *dua* [2] para, saya ulas balik

apa cerita dalam *dua* [2] para *tu* [itu] jadi *dua puluh* [20] para. Saya buat *hok tu* [yang itu] lah. Saya minat benda-benda *gitu* [begitu]. Menulis, *tu* [itu] yang tinggal bidang perguruan *tu* [itu].

**Ainsah :** Apakah prinsip hidup tuan haji?

Tuan Haji : Saya dari *dulu* [dahulu] *dah* [sudah], cakap terus terang *ni* [ini], saya suka bantu orang susah. Kita daripada orang susah (sambil menangis). Termasuklah kebajikan, sebab *tu* [itu] daripada awal, saya masuk persatuan belia, masuk dalam bidang politik *sikit-sikit* [sedikit], kemudian, di sekolah pun begitu *jugok* [juga]. Daripada awal pun, kita kebajikan banyak, banyak kerja. Macam di sekolah, sekolah *SS* [Sultan Sulaiman], masuk pertandingan bahas, *debeat* [debat], ada menang, ada kalah, dalam drama *gitu gok* [begitu juga]. Macam-macam sekali. Saya campur dengan orang ramai, dengan masyarakat, *nak* [hendak] tahu macam mana keadaan masyarakat. Dan kita dapat bantuan, *collection* [pengumpulan dana] macam saya dapat *masa* [semasa] persatuan belia *dulu* [dahulu], saya jadi pengerusi persatuan belia, di Rusila, Marang, kumpul duit, kita *bagi* [bahagikan] orang-orang susah. Banyak. Sebagai contoh, pertama sekali sebelum *tu* [itu], saya jadi guru sementara di Pulau Redang, setahun saya *ngajar* [mengajar]. Setahun, saya buat macam-macam sekali. *Budok-budok* [budak-budak] lama suka lah, mengajar, mengajar lah. \_ \_ \_ mengajar seminggu, balik kampung seminggu. *Tapi* [tetapi] di salah sebuah \_ \_ \_ \_ dan budak-budak di Sekolah Kebangsaan Pulau Redang *ni* [ini] boleh kata, tidak ada [tiada] yang masuk sekolah seberang marang. *Tidak ada* [tiada]

**Ainsah :** Apakah impian tuan haji yang belum tercapai?

Tuan Haji : Saya ingat, apabila saya *dah* [sudah] tua *ni* [ini], memanglah kita *nak* [hendak] buat kebajikan, duit kita bagilah kepada orang susah lah. Yang saya *nak* [hendak] dalam bidang *ugama* [agama] pun, mungkin saya \_\_\_\_. Saya *duduk* [tinggal] di Rusila *dulu* [dahulu] pun, buat kebajikan hal-hal *ugama* [agama] kan. Bila disini, orang bagi saya peluang lah. Lebih kurang *dua* [2] *tiga* [3] tahun *duduk* [tinggal] sini, (gangguan motor) orang bagi jawatankuasa masjid kan, dia orang bagi saya tugas sebagai jawatankuasa masjid, *ni* [ini] dilantik oleh *jabatan ugama* [Jabatan Agama Islam] sebagai biro *ugama* [agama] dan dakwah. Jadi start [bermula] *satu haribulan sembilan ni* [1 september ini], *tiga* [3] tahun *ni* [ini], *nak* [hendak] jadi pengerusi *pulok doh* [pula]. Baru *nak* [hendak] start [mula] *gak* [juga] *ni* [ini]. Surat baru sampai. InsyaAllah lah saya *nak* [hendak] buat betul-betul, *nak* [hendak] tarikkan *muda-muda* [pemuda-pemuda], golongan belia *ni* [ini], supaya jinak dengan masjid. Mungkin saya akan buat pelik daripada orang. Sebab saya pernah jadi pengerusi masjid *masa* [semasa] *duduk* [tinggal] di *KL* [Kuala Lumpur] *dulu* [dahulu], *masa* [semasa] saya bekerja *hari tu* [dahulu]. Kemudian, saya bercadangkan, *ni* [ini] saya fikir baru, saya nak tarik, budak muda-muda tidak ada sekarang ke masjid. Jadi, itulah, selain ceramah-ceramah, kuliah maghrib ke, saya *nak* [hendak] buat futsal, *nak* [hendak] buat macam-macam \_\_\_\_. *Nak* [hendak] buka perpustakaan di sekolah, saya di rumah *dekat* [di] Rusila, ada bilik macam *ni* [ini] *jugak* [juga] (sambil melihat ke sekeliling). Sebab saya ingt, semasa say balim dari *KL* [Kuala Lumpur] *dulu* [dahulu], satu lori, khusus, buku *je* [sahaja] *bawak* [yang dibawa]. Berstambun [berimbun] buku saya, bersepah. Yang ada di sini, yang baru-baru *je* [sahaja]. Di rumah saya di Rusila, orang *dok* [tidak] ganggu, kunci *je* [sahaja] bilik *tu* [itu]. Banyak buku \_\_\_\_. Guru-guru sekolah menengah Rusila, guru-guru sekolah, banyak sekolah-sekolah disitu, pergi buat rujukan di rumah saya. *Masa* [semasa]

saya *dua* [2] tahun *duduk dinung* [tinggal disana]. Dia orang suka sewe, beli. Komputer *lima* [5], *enam* [6] *butir* [buah] suruh budak-budak belajar. *Masa* [semasa] saya baru tulah. Jadi, tercapailah hasrat saya. Saya *nak* [hendak] perkenalkan komputer. Saya tahu di kampung *tu* [itu], susah kan. Budak-budak *tak dok* [tiada] komputer. Saya beli lah, *enam* [6] *utir* [buah] saya beli, *leni* [sekarang ini], *tiga* [3] *butir* [buah] saya letak di Perpustakaan Khat. Kalau-kalau ada orang *nak* [hendak] guna, ada *dua* [2] *utir* [buah], *dumoh* [dirumah] ada lah \_\_\_\_\_ Jadi buku-buku sejarah apa, banyak di rumah saya. Saya kalau boleh, saya *nak* [hendak] buat, impian saya *nak* [hendak] galakkan *budok-budok* [budak-budak] muda, *ye* [mereka] *nak* [hendak] membaca, saya *nak* [hendak] buat perpustakaan *se* [1]. Itu impian saya. *Dok* [tidak] kira lah budak-budak mana pun \_\_\_\_\_ Saya *nak* [hendak] buat lah. Rancangan belum mesyuarat lagi ni. InsyaAllah, saya akan buat lah.

**Ainsah :** **Baiklah, itu sahaja soalan tentang biodata tuan haji.**

Tamat Bahagian A

- Mariam : (sambil Tuan Haji membelek kertas) Sekarang saya akan sambung dalam bidang kerjaya Tuan Haji. Apakah bidang pekerjaan yang pertama Tuan Haji selepas tamat belajar?
singgah di Pengkalan Kubor dia tengok kata macam orang luar kan orang Bugis *duk* [duduk] kawal situ jadi saya dengar *tu* [itu] saya tanya dia (sambil menepuk paha) saya tanya mana *kat* [dekat] Pengkalan Kubor [Tumpat] saya tergopoh gopoh *gi* [pergi] lah *gi* [pergi] terus lalu dia lalu\_ \_ \_ \_ dia tunggu tunggu laporan la *pahtu* [selepas itu] boleh la sekarang *ni* [ini] saya *gi underground* [pergi bawah tanah] *gi underground* [pergi bawah tanah] sampai di Pengkalan Kubor Pengkalan Kubor dekat *nga* [dengan] sempadan kan sampai Pengkalan Kubor kadang bukan kata Bugis *tu* [itu] *bodo dop* [bodoh tidak] *tak* [tidak] *baik kata bodo* [elok cakap bodoh] saya *gi tu* [pergi itu] saya kenal Dato ketua polis kan *gi tu* [pergi itu] kata saya *ni* [ini] saya beritahu la ketua polis *tak* [tidak] boleh *tak* [tidak] boleh wartawan lagi *tak boleh* [tidak boleh] orang luar lagi *tak boleh* [tidak boleh] masuk orang luar lagi *tak boleh* [tidak boleh] saya takut kena orang hadang ketua polis saya *nak* [mahu] tanya dia lepas ketua polis beri laporan *dah* [sudah] dia kata dalam bot *tu* [itu] ada *empat puluh lapan* [48] orang bukan *empat puluh lapan* [48] orang dia kata ada *enam puluh tujuh* [67] orang saya ingat *enam puluh tujuh* [67] orang saya dengar cerita orang sakit ada budak ketua polis ketua polis lawak la ketua polis *nak* [hendak] kawal saya saya buat belas\_ berbohong dia saya kata kita *nak* [hendak] dapat berita kan kita dapat *dah* [sudah] dapat *enam puluh lapan* [68] orang *ok* [baiklah] *pahtu* [selepas itu] dia kata saya kata ketua polis kata ada budak orang sakit kata orang beranak ada kata dia *kabar* [beritahu] lalu jadi\_ *tu* [itu] dia *kabar* [beritahu] terus terang dia *kabar* [beritahu] habis kita tanya berapa orang *mari* [datang] daripada mana dia cerita la berapa orang *ok* [baiklah] *takpe* [tidak mengapa] la saya senyap lantak balik masuk dalam kereta tulis takut

*tak* [tidak] ingat tulis tulis *tape* [pita] *tak bawak tu* [tidak bawa itu] *kalu ada tape* [jika ada pita] senang la *tape tak bawok* [pita tidak bawa] tinggal dalam kereta tinggal pejabat *tak* [tidak] ingat *tak dop* [tidak ada] cari cari *tak dop* [tidak ada] *takpe* [tidak mengapa] la saya *ni nak ambik* [ini hendak ambil] gambar boleh *dop* [tidak] *tak leh ambik* [tidak boleh ambil gambar] gambar dia kata dia *tak wi ambik* [tidak bagi ambil] gambar la saya pun *takpelah* [tidak mengapa lah] saya balik la balik *gi* [pergi]\_ ketua polis dia *duk* [tengah] main golf ketua polis kata saya *dah gi dah ni* [sudah pergi sudah ini] Pengkalan Kubor awalnya *gi* [pergi] saya *gi nak* [pergi hendak] dapat laporan *nak* [hendak] dapat maklumat awal la saya *kabar dah* [beritahu sudah] *KL KL* [Kuala Lumpur] *nak* [hendak] pakai minggu depan kata saya *kabar* [beritahu] dia betul *KL nak* [hendak] pakai minggu depan saya *kabar dah* [beritahu sudah] kata *tak* [tidak] pun saya buat cerita *tu* [itu] skop di dalam skop sekali skop cerita la *gitu* [begini] kita *sorang* [seorang] dapat la \_\_ *wak* [buat] cerita *gini* [begini] orang ada anak kecil *sorang* [seorang] menangis masa *tu* [itu] saya buat *gege* [bising] kerusi la tapi benda *tu* [itu] pun *dah* [sudah] cerita kata saya *nak* [hendak] kod nama\_ ada ke memang esok *dah* [sudah] esok baru dia bagi *press conference* [sidang akhbar] dia panggil wartawan esok saya *nak* [hendak] buat selalu *ni* [ini] saya kata tulis la kita\_\_ saya balik buat esok keluar muka depan utusan Malaysia keluar muka depan melayu muka depan mengamuk radio mengamuk berita harian kena *mapuh* [hentam] habis dia kena marah daripada KL ibu pejabat dia marah dapat berita besar *gini* [begini] berita saya cerita pula peraian islam kemeyan pertama mendarat di Kelantan masa *tu* [itu] tidak ada lagi mula mula sekali mendarat saya dapat skrip masa *tu* [itu] saya buat cerita *tu* [itu]

(sambil menepuk paha) muka depan *tu* [itu] walau kita baik *belaka* [semua] dengan orang tapi dalam segi berita kita semua\_ kita dapat kita *tak* [tidak] bagi tahu dia kata\_ apa *tak* [tidak] bagi tahu kita orang bagi la sikit *hint* [tanda tanda] apa semua *takpe* [tidak mengapa] la buat cerita sikit pun aku keluar orang *ni* [ini] kena marah semua kena marah dia kata kita relax buat tak [tidak] tahu *je* [sahaja] baik dengan dia pun baik dia pun *gitu gak* [begitu juga] dapat pun dia senyap *gak gitu* [juga begitu] kadang kadang kita kena marah cerita *gitu* [begitu] sekarang *dop* [tidak] dia *pakat* [janji]\_ \_ \_ bagi sikit sikit habis\_ \_ \_ *tak dop* [tidak ada] benda la boleh sama *je* [sahaja] jadi kita sekarang kita *nak* [hendak] benda kita berlawan dia panggil skop *sorry* [minta maaf] *tu* [itu] berlainan cerita lain kita susah pakai *dulu tu* [dahulu itu] ceritanya *tu* [itu] berlainan sekarang *ni* [ini].

**Mariam** : Adakah sebelum ini Tuan Haji pernah ditemuramah oleh pelajar berkaitan bidang kewartawanan?

Tuan Haji : Banyak kalau cerita *ni* [ini] yang wartawan yang *interview* [temuramah] wartawan ada juga yang pelajar pelajar sekolah menengah banyak *ni* [ini] ada tapi *tak* [tidak] ingat *dah* [sudah] ada yang banyak ceritanya *ni* [ini] la (sambil membelek buku) cerita *ni* [ini] mana ada\_ \_ islam semua banyak cerita nanti sekejap (sambil ketawa) banyak sangat jadi budak budak universiti ada *gak* [juga] (sambil mencari dan membelek buku) banyak *ni* [ini] buku pun *denu* [sana] (sambil menunjuk buku) ada lagi sanding *tu* [itu] orang muda muda ayah dia *tak* [tidak] kahwin lagi *hok ni* [yang ini] masa budak budak umur berapa lama lama mohd Jali *ni* [ini] berita harian pun *ni* [ini] masa masa sebelum *tu ni* [itu ini] sebelum\_ \_ \_ \_ utusan belajar banyak



(bunyi kertas) menteri besar mantan presiden *ni* [ini] anugerah semua *ni* [ini] banyak anugerah *ni* [ini] ada belaka [semua] simpan *ni* [ini] (sambil ketawa) macam macam ada jawi\_\_ \_\_ apa\_\_ \_\_ sini ada gak [juga] (sambil menunjuk buku yang dipegang) beri ceramah kepada ada gambar *gi* [pergi] kena beri ceramah tiga orang menteri besar menteri besar Kelantan menteri besar Terengganu menteri besar Pahang Dato Najib Johan ada gambar gambar dia hal hal utusan\_\_ \_\_ \_\_ \_\_ surat khabar Indonesia (sambil membelek kertas) rombakan utusan\_\_ \_\_ (sambil ketawa) majalah utusan mana ruangan bikisan ada *belaka* [semua] *ni* [ini]\_\_ \_\_ saya buat buku tradisional Terengganu makanan masakan Terengganu buku masakan Terengganu masa saya kerja *tu* [itu] saya ambik makanan *tu* [itu] saya bagi gi [pergi] *kat* [dekat] pasar *ambik ambik* [ambil] mari *pulak* [pula] utusan *ambik* [ambil] gambar gambar buat *etek* [juga] *se* [satu] rumah *etek* [juga] buku kerajaan negeri beli berapa ribu *tu* [itu] banyak beli *saja* [sahaja] la banyak (sambil ketawa).

**Mariam** : **Apakah sebab Tuan Haji berhenti bekerja sebagai wartawan?**

Tuan Haji : *Dop* [tidak] saya bersara *dah* [sudah] sampai ke peringkat umur *lima puluh lima* [55] tahun sara tapi saya boleh sambung tapi dia utusan tawar lagi setahun *dua* [2] tahun kerja dia suruh saya kerja lagi saya pun kata *tak* [tidak] cukup la kata malas *nak duk* [hendak duduk] balik kampung la sampai *lima puluh lapan* [58] saya kerja (sambil menepuk paha) masa *tu* [itu] lima puluh lima [55] *je* [sahaja] *lima puluh lima* [55] tahun *so* [jadi] *lima puluh lima* [55] berhenti utusan dia bagi kontrak la setahun gaji sama *gak* [juga] dia bagi *nak* [hendak] sambung boleh *enam puluh* [60] boleh

sebab kebetulan *tu* [itu] ada tawar kerajaan negeri tawar kerja kan jadi saya kerja di sebagai ketua pengarang apa *ni* [ini] berita Darul Iman kerajaan negeri Terengganu *tiga* [3] tahun selepas bersara *tu* [itu] kerja pulak selepas bersara bertugas ketua sebagai pengarang dengan kerajaan negeri Terengganu la *tiga* [3] tahun *tu* [itu] saya berhenti *tu tak* [itu tidak] sambung (sambil membelek kertas).

**Mariam** : (Sambil Tuan Haji membelek kertas) Tuan Haji telah mengarang pelbagai jenis buku. Di antara buku-buku yang Tuan Haji karang itu, buku yang manakah paling mendapat sambutan?

Tuan Haji : Setakat ini, kebanyakan buku-buku saya *tu* [itu] di hantar ke sekolah-sekolah seluruh negaralah. Dia dicetakkan hantar ke sekolah-sekolah sebab buku saya *ni* [ini] banyak berbentuk pendidikan dan sejarah. Kemudian yang terutamanya di Sabah. Sabah, Sarawak *tu* [itu] memang dia *kalu* [kalau] dia cetak khas *tu* [itu] kebanyakan yang Impiana *tu* [itu] biasa dia cetak *kalu* [kalau] seribu *copy* [salinan] *tu* [itu] memang dia hantar terus Sabah, Sarawak. Yang lain-lain, yang dihantar ke *ni* [sini]. Kebanyakan buku yang banyak yang buku *ni* [ini] adalah Dato'---buku *ni* [ini] buku mana *ni* [ini] (sambil mencari buku) Jejak Razali Giliran Pendidik yang mana *hok* [yang] dapat lancar pada hari *tu* [itu] memang buku *ni* [ini] Jejak Razali Giliran Tokoh Pendidik *ni* [ini] mendapat sambutan yang baik di kalangan guru-guru. Pada hari pelancaran *tu* [itu] macam saya kata pelancaran Hari Guru *tu* [itu] memang banyaklah jual saya *tak* [tidak] sebut banyak mana sebab benda *ni* [ini] yang jual *ni* [ini] adalah KIST, Kolej Islam Sains dan Teknologi sebab dia cetak, dengan harga *dua puluh lima ringgit* [RM25] dan yang paling banyak. Kemudian buku Lagenda *ni* [ini] Lagenda ape *ni* [apa]

ini] Lagenda (sambil mencari buku) Batu Bersurat. *ni* [ini] Batu Bersurat. *Ni* [ini] (sambil menunjukkan buku) yang mula-mula sekali yang paling banyak sekali yang cetak adalah yang dijual adalah buku Lubuk Mandi, Tragedi Lubuk Mandi. Yang mana diterbitkan tahun Sembilan puluh berapa tadi saya\_\_ (sambil ketawa) *tak* [tidak] ingat *tau* [tahu] (sambil mencari buku) yang ini (sambil menunjukkan buku) diterbitkan berdasarkan cerita sebenar *Sembilan belas Sembilan puluh lima* [1995]. Ini kerajaan negeri *ambik* [ambil] kerajaan Terengganu beli *dua ribu* [2000]. Dia beli dia cetak siap-siap dia beli dengan Dewan Bahasa *dua ribu* [2000]. Kemudian yang lain-lain banyakkkan habis. *Ni* [ini] *dah* [sudah] *empat* [4] kali cetak, maknanya *empat* [4] kali cetak *tu* [itu] lah saya *tak* [tidak] *tau* [tahu] maknanya *Sembilan puluh empat* [1994] cetakan pertama, cetakan *kedua* [ke-2] *Sembilan puluh lima* [1995], cetakan *ketiga* [ke-3] *Sembilan puluh enam* [1996] kemudian *Sembilan puluh lapan* [1998], empat [4] kali dia cetak. Maknanya banyaklah buku *ni* [ini] semua.

**Mariam** : **Apakah tajuk buku yang pertama yang dikarang oleh Tuan Haji?**

Tuan Haji : Saya terlupa banyak buku yang (sambil ketawa) dikarang masa saya *stugas* [bertugas] *dulu* [dahulu] banyak buku yang *kecik-kecik* [kecil-kecil] la buku yang saya sebut tadi buku saya ingat buku cerita mengenai ape ni [*apa ini*] saya ada jugak [*juga*] (sambil mencari buku) buku *ni* [ini] *takde* [tidak ada] *dah* [sudah] tapi bahan fotostat *tu* [itu] ada dengan saya, saya simpan (sambil membelek kertas) Mengejar Bayang-Bayang. Mengejar Bayang-Bayang *ni* [ini] (sambil menunjukkan kertas fotostat) yang *ni* [ini] saya atas nama Mohamad Johari. Buku ini adalah yang paling laris sebab dia cerita

mengenai macam mana budak sekolah *ni* [ini] belajar kemudian *sorang* [seorang] sepupu dia *tu* [itu] dia *sorang* [seorang] rajin, saya pakai nama anak saya yang sulung Maryati masa *tu* [itu]. Anak sulung saya masa *tu* [itu] dia *kecik* [kecil] lagi saya *dah* [sudah]---Maryati kemudian *sorang* [seorang] lagi sepupu dia. Dia selalu berselisih faham *dua* [2] orang *tu* [itu] (sambil ketawa) banyak cerita dia yang *tu* [itu] yang paling banyak sekali ingat yang dijual. Yang *ni* [ini] (sambil menunjukkan buku) Mohamad Zali saya *jugak* [juga] *ni* [ini]\_kemudian ini Haji MJ, MJ lah macam-macam nama. Suara Dari Bilik Mayat ada *jugak* [juga]. Ini (sambil membelek buku) kita di hospital lah. *Ni* [ini] masa saya *duk* [duduk] di Thailand. Saya tiap-tiap kali cuti sekolah biasa, ingat masa saya tingkatan *empat* [4] tingkatan *lima* [5] *tu* [itu] *sdare* [saudara] selalu *memang* \_\_\_\_. Kemudian saya cerita betul-betul masuk bilik geruda la saya cerita. *Ni* [ini] (sambil menunjukkan buku) keluar dalam majalah filem *Sembilan belas enam puluh Sembilan* [1969] *tak* [tidak] lahir lagi *dok* [tidak]\_\_ Mohamad Johali. Mohamad Johali *gak* [juga] nama banya\_\_ Cikgu Mat contohnya *hok* [yang] *ni* [ini]\_ *Cikgu Mat* ada macam-macam (sambil ketawa) nama pengarang *ni* [ini]\_\_\_. *Ni* [ini] antara yang buku-buku yang menarik la. Macam *ni* [ini] Rencana Pengarang saya buat la macam Rencana Pengarang Utusan Melayu, Utusan Zaman\_pengarang Mohamed Jusoh. Tiap-tiap keluaran minggu keluar la. Dia kena\_\_ isu-isu semasa banyak la. Kemudian *ape ni* [apa ini] yang nama-nama banyak jadi kita *tak* [tidak] tahu yang dapat sambutan boleh katakan yang akhir sekali yang paling--kemudian yang paling akhir sekali yang tahun *ni* [ini] buku *ni* [ini] sastera (sambil mengambil buku) Teater Sastera, Seniman Sejarah dan Sejarah Teater. Ini dicetak oleh Pekan *Publication*

[penerbitan] ini dipajakkan di sekolah-sekolah yang dia beli la sekolah-sekolah *ni* [ini] sekolah-sekolah yang dia buat perpustakaan. Dan mungkin ada *satu* [1] *dua* [2] buku yang dihantar ke Kementerian Pendidikan dia *mintak* [minta] la untuk bekal buku *ni* [ini] akan jadi buku teks saya *tak* [tidak] tahu lah saya *tak* [tidak] tahu, mana-mana buku *ni* [ini] yang ada *publisher* [penerbit] suruh saya *sign* [tanda tangan] maknanya perjanjian *tu* [itu] *kalu* [kalau] dia buat buku teks banyak lah dia cetak banyak lagi, buku teks sekolah-sekolah, sekolah menengah.

**Mariam** : **Bagaimanakah cara Tuan Haji mempromosikan buku-buku tersebut?**

Tuan Haji : Buku saya cuma pengarang *je* [sahaja] sebab *kite* [kita] saya ada catat sini (sambil menunjukkan kad) *MEH* [Mohamed, Embong, Harun] *Media Publication* [penerbitan] jadi *tiga* [3] orang, MEH M, Mohamed, E, Embong H, Harun. Semua bekas kerja utusan, kita buka *satu* [1] syarikat yang *ni* [ini] kita terbit banyak, *editor* [penyunting] perunding, pengarang penerbitan dan pengedaran buku. Saya Pengerusi Eksekutif *MEH* [Mohamed, Embong, Harun] Media. Jadi di antara Samudera macam *tu* [itu] *gak* [juga] kita cetak tapi kita *ni* [ini] cetak tapi kita *tolok* [tolak] *pada* [kepada] pemasaran orang lain dan ada *jugak* [juga] kita hantar ke kedai-kedai buku. Sekarang buku saya yang paling banyak ada dijual di lapangan terbang Kuala Terengganu. Lapangan Terbang Kuala Terengganu *tu* [itu] ada dia punya kedai KIST, Kolej Islam Sains Teknologi. Buku *ni* [ini] (sambil menunjukkan buku) pun ada semua, boleh dikatakan semua buku saya ada di situ, yang ada stok lagi la, yang *takdok* [tiada] yang lama-lama *takde* [tiada] la yang baru-baru *ni* [ini] semua *situ* [di sana] lagi termasuk buku *ni* [ini] buku *ape ni* [apa ini]

Lagenda *tu* [itu] lagu yang buku Gajah Liar Tasik Kenyir *tu* [itu] yang *tu* [itu] ada baki lagi\_ *saya nak* [hendak] hantar minggu *depan* [hadapan] dia *mintak* [minta] *tak* [tidak] habis dia ada minta banyak lah. Kemudian buku-buku lain *tu* [itu] macam biasa la \_\_ sebab sekarang *ni* [ini] mengikut kedai-kedai buku yang saya kata saya pergi *tu* [itu] memang kurang *sikit* [sedikit] la. Kurang, *tak* [tidak] tahu la budak-budak\_ biasa awal-awal tahun laku la buku *tu* [itu]. *Tu* [itu] *jelah* [sahajalah] buku-buku yang saya rasa antara yang *tu* [itu]---

**Mariam** : **Di manakah buku-buku hasil karya Tuan Haji dicetak dan diterbitkan?**

Tuan Haji : Buku saya banyak cetak, macam saya cerita dalam *ni* [ini] (sambil menunjukkan kad) dia cetak di saya cetak sendiri MEH Media *Publication* [penerbitan], Samudera kemudian yang banyak Impiana *Publication* [penerbitan], Pekan *Publication* [penerbitan] dan *Publication* [penerbitan] kemudian ada buku-buku cetak yang *kecik* [kecil] *tu* [itu] (sambil mencari buku) yang Dato' Razali (sambil mencari buku). Buku *ni* [ini] ada (sambil menunjukkan buku) saya *tak* [tidak] sebut sini (sambil membaca sebahagian isi kandungan buku) *ni* [ini] WK *Publishing* [penerbitan] *ni* [ini] Dewan Bahasa Pustaka, Fajar Bakti ada buku-buku sekolah, buku *ni* [ini] jadi buku teks Fajar Bakti, buku teks sekolah untuk bacaan umum tingkatan *dua* [2]. *MAS* [Malaysia Airlines] Sendirian Berhad, Serindik, Tulip *Publication* [penerbitan], Permai itu antara yang banyaklah di cetak yang dijalankan cetakan\_ \_yang *ni* [ini]\_ \_besar, jadi saya hantar buku-buku secara yang mana kadang-kadang *diorang* [mereka] *mintak* [minta] saya hantar lah. Macam *publisher* [penerbit] *ni* [ini] *mintak* [minta] saya hantar saya tahu dia

nak pakai macam buku-buku sejarah dia *mintak* [minta]. Baru-baru *ni* [ini] ada Johan Jaafar, Dato' Johan Jaafar dia mari sini dia *nak* [hendak] apa dia *ni* [ini] novel remaja kan kemudian dia beritahu lah kisah cinta mengenai dengan sejarah negeri Terengganu. Jadi, saya *dah* [sudah] buat ada *lima* [5] *enam* [6] biji *dah* [sudah] belum hantar lagi, *dah* [sudah] siap *dua* [2] *dah* [sudah] untuk sejarah negeri Terengganu berbentuk novel remaja lah. Saya cerita mengenai sejarah macam mana tokoh Paloh, pahlawan Tengku Paloh bagaimana masa muda dulu kita boleh bayang, kita *gi* [pergi] jumpa la orang-orang yang tahu, pergi ke Cherang Cina Hulu Terengganu, di kampung Paloh sendiri, di Duyong jumpa orang-orang yang tahu. Orang tua dia cerita lah mengenai macam mana apa *ni* [ini], macam mana yang di--- macam mana tauladan, dia beri pengajaran dan macam mana dia menyampaikan ilmu dia, apa jenis ilmu dia macam tauhid ke, fiqah ke, apa nama *ni* [ini] hal-hal mengenai ilmu tasawuf. Kita belajar situ kemudian kita masukkan dalam cerita *tu* [itu]. Kita olah balik sebagai apa *ni* [ini] cara moden lah *tak* [tidak] lah sejarah *straight forward* [lurus ke hadapan] *gitu* [macam itu]. Sejarah banyak buku orang tahu *doh* [sudah] kan sejarah-sejarah ni. Macam buku-buku sejarah *ni* [ini] kan (sambil mencari buku) kita ambil macam *ni* [ini] buku sejarah Sahabat Tengku Paloh. *Bila* [apabila] kita berpandukan buku *ni* [ini] kan saya buat buku *ni* [ini] sebab saya salah seorang penulis rencana tetap di majalah di pejabat agama ada keluar majalah Fitrah (sambil menunjukkan majalah). Kemudian tiap-tiap keluaran *tu* [itu] ada, jadi saya hantar *tu* [itu] saya masukkan ciri bersejarah, sejarah Tengku Paloh ke, sejarah Sultan Zainal Abidin, Syeikh Kadir Bukit Bayas apa *ni* [ini] macam syeikh Duyong, Syeikh Abdullah Duyong, sejarah-

sejarah macam mana islam datang ke Malaysia ke Terengganu *ni* [ini] daripada Parsi banyak. Kita *combine* [gabung] semua dalam *tu* [itu] sebab *tu* [itu] kadang disini sebenarnya orang bersepah bilik (sambil menunjukkan keadaan bilik) orang rumah saya pun dia *tak* [tidak] kisah, saya pun senang *nak* [hendak] buat rujukan di dalam *ni* [ini]. Jadi, budak-budak, anak cucu mari dia *tak* [tidak] masuk dalam *ni* [ini] kunci\_\_ \_\_\_\_. Kawan-kawan mari yang ada kaitan *nak* [hendak] buat kajian saya datang *ambik* [ambil], banyak buku *hok* [yang] lama-lama, jadi tempat rujukan.

**Mariam :** Berapakah jumlah naskhah buku yang telah dihasilkan oleh Tuan Haji?

Tuan Haji : Setakat ini ada lebih kurang *empat puluh* [40] buah la. Yang banyaknya. Dalam *tiga puluh* [30], sejak saya bersara *ni* [ini] lah banyak *sikit* [sedikit] yang *tiga puluh* [30], yang *sepuluh* [10] buah yang besar *tu* [itu] (sambil menunjukkan buku) mungkin masa saya bertugas lagi la *takde* [tiada] masa lagi kan kita buat. \_\_ \_\_ \_\_ \_\_ pelbagai tajuk la. Bidang *tu* [itu] saya banyak, saya *nak* [hendak] skop pelancongan, pembangunan, dan kita selit-selit agama, pendidikan, tauladan cerita *gitu* [begitu] *je* [sahaja].

**Mariam :** Pernahkah Tuan Haji mengarang tentang kehidupan Tuan Haji sendiri?

Tuan Haji : Belum lagi, ada orang Impiana *Publication* [penerbitan] dia *mintak* [minta] saya *nak* [hendak] buat sendiri *tak* [tidak] sedap la, *tu* [itu] saya suruh orang lain karang, macam saya kata budak *u* [universiti] apa dia *ni* [ini] universiti *UMT* [Universiti Malaysia Terengganu] dulu kan, bukan *UMT* [Universiti Malaysia Terengganu], *UUM* [Universiti Utara Malaysia] Sintok yang saya



kata dia datang tadi. Memang dia buat *interview* [temubual] dengan saya, tapi sampai sekarang dia tak [tidak] hantar bahan *tu* [itu], saya ingat benda *tu* [itu] maklumat banyak *tu* [itu], masa *tu* [itu] dia cerita *belake* [semua] *hok* [yang] lama-lama, yang *ni* [ini] mungkin yang *kediang-kediang* [kemudian-kemudian] yang lama-lama macam mana saya berkecimpung dalam bidang, aktif dalam persatuan, video, macam-macam masa di sekolah, banyak-banyak cerita-cerita yang lama-lama yang kita kadang-kadang benda *ni* [ini] bila dihuraikan kita ada kaitan baru kita cerita. Macam saya terlibat dalam persatuan pelajar-pelajar melayu semenanjung gabung bakti pergi Jitra mesyuarat agung dan macam-macam cerita yang ada. Banyak cerita-cerita menarik boleh kata sebab *tu* [itu] saya pun masa sekolah lagi, kita pernah masa *tu* [itu] tingkatan *dua* [2] misalnya, kita *dah* [sudah] pergi, saya pemimpin persatuan pelajar, persatuan sejarah di sekolah Sultan Sulaiman, jadi setiausaha. Jadi masa *tu* [itu] kita buat banyak persatuan sejarah buat lawatan hampir ke seluruh negeri, di Melaka kita *gi* [pergi], di Perak mana-mana tempat-tempat sejarah *tu* [itu] walaupun apa *ni* [ini] benda *tu* [itu] tidak kena mengena dengan kita tapi benda *tu* [itu] dalam bahan kita masih ingat lagi dan saya juga boleh katakan diari *tu* [itu] (sambil menunjukkan ke arah rak yang mengandungi diari) daripada sekolah *dulu* [dahulu] sampai sekarang tiap-tiap tahun memang ada simpan diari ada saya buat sebab *tu* [itu] saya buat cerita mengenai dengan Ayah Pin, pengalaman yang tadi, saya rujuk balik diari, saya buka balik diari ada lepas *tu* [itu] kita *flash* [kilas] kembali balik ingat. *Kalu* [kalau] tidak *nak* [hendak] ingat sebab saya banyak sangat, terlalu banyak susah, diari akan membantu kita. \_ \_ \_ orang lain kadang-kadang mungkin *tak* [tidak] simpan diari, kita walau macam mana

malas menulis pun, kita ada *dumoh* [di rumah] kita rehat saya tulis *jugak* [juga] *catit* [catat] dalam diari apa-apa yang *you* [awak] buat hari *tu* [itu]. Jadi kita dapat tahu perkembangan-perkembangan semasa, apa yang berlaku daripada masa tertentu la. *Bila* [apabila] kita tulis, kita boleh *flashback* [imbas kembali] jadi baru, banyak yang orang-orang wanita, buku-buku, rencana-rencana kan dia tahu saya pernah menulis buku macam cerita Ayah Pin. Saya sebenarnya Ayah Pin saya meneliti sendiri, pejabat agama *tak* [tidak] tahu, saya meneliti sendiri, saya, *ni* [ini] kawan saya pergi dedahkan benda *tu* [itu]. Begitu *jugak* [juga] cerita Tragedi Lubuk Mandi, emas, orang lain *tak* [tidak] tahu, saya *gi* [pergi] teroka sendiri, saya *gi* [pergi] cari emas sendiri. Saya ikut penjual madu *tu* [itu], benda *ni* [ini] dia *ambik* [ambil] madu, dia kata saya jumpa dia, tanya dia *nak* [hendak] *gi* [pergi] mana, dia kata *nak* [hendak] cari madu, saya ikut dia ajak dia pergi. Saya yang mula-mula sekali tahu, bukan orang kampung tahu, saya antara lepas pada orang yang jumpa *tu* [itu] emas *tu* [itu] saya *gak* [juga] yang jumpa. *Tu* [itu] peliknya saya. Saya tengok pelik, saya ikut selalu, kita *gi* [pergi]. Itulah *dulu* [dahulu] wartawan *dulu* [dahulu] *diorang* [mereka] siasat *tak* [tidak] boleh, kalau dia tengok dia turut. Sebab *tu* [itu] saya buat cerita pun, kita *tak* [tidak] payah jadi, saya cerita sendiri, saya dapat emas banyak *ni* [ini], banyak dapat (sambil ketawa) ada\_banyak cerita\_\_berapa saya jual, hari saya *gi* [pergi] *tu* [itu] sekejap *je* [sahaja] kali-kali boleh la dalam *lima, enam ratus ringgit* [RM500, RM600] *dah* [sudah] masa *tu* [itu] emas di Lubuk Mandi. Orang-orang yang dapat mula-mula *tu* [itu] pun tahu, beribu-ribu dapat duit. *Lepas tu* [selepas itu] saya dedah punya dedah *tu* [itu] bising *baloh* [bergaduh] orang ramai mari, beribu-ribu orang mari (sambil meletakkan buku). Kita

untuk *pekdoh* [faedah] orang ramai kita buat macam *tu* [itu], kita siasat sendiri (sambil ketawa). Menarik cerita *tu* [itu] pada zaman *dulu* [dahulu] banyak.

**Mariam** : **Pada tahun berapakah Tuan Haji mula menceburi diri dalam Kelab Khat Negeri Terengganu?**

Tuan Haji : Kelab Khat, saya sebenarnya mula-mula khat *ni* [ini] sebab oleh kerana saya di Utusan Melayu saya jadi pengarang Utusan Melayu Utusan Zaman yang jawi *tu* [itu], mula-mula dekat Utusan Malaysia jadi dia oleh kerana *takde* [tiada] orang kita pengarang ada *dua, tiga, empat* [2,3,4] orang, jadi dia hantar *sorang* [seorang] *satu* [1] suruh jaga Utusan Melayu kan. Jadi bila saya *tu* [itu] saya mula-mula saya jadi setiausaha Persatuan Pencinta Tulisan Jawi, *PENJAWI* [Persatuan Pencinta Tulisan Jawi] dia panggil yang di pengerusikan oleh Dato' Mokhtar masa *tu* [itu]. Kemudian Dato' Ramlah Adam pengerusi, saya setiausaha. Jadi bila saya jadi setiausaha Persatuan Tulisan Jawi seluruh Malaysia *ni* [ini] jadi saya terlibat sama jadi bila ada *PENJAWI* [Persatuan Pencinta Tulisan Jawi] *ni* [ini] di Johor ada apa *ni* [ini] cawangan Johor ada, di Terengganu ada jadi saya cadangkan supaya di Terengganu tubuh Persatuan Khat sebab khat *tu* [itu] di Terengganu saya tengok orang Terengganu bakat-bakat ramai penulis khat, *takde* [tiada] persatuan. Kemudian sedangkan di *KL* [Kuala Lumpur] sekarang di *KL* [Kuala Lumpur] satu *je* [sahaja] Persatuan Seni Khat Kebangsaan, tempat *tu* [itu] *je* [sahaja]. Tempat lain mungkin *takde* [tiada] tempat lain kecuali yang *ni* [ini]. Kemudian *diorang* [mereka] lantik saya sebagai penasihat, saya *duk*

[duduk] *KL* [Kuala Lumpur], tubuh Terengganu kawan-kawan ramai. Saya pun bukan pandai menulis *ngat* [sangat] khat *ni* [ini] tahu dan saya kan sekolah Inggeris, sekolah saya pun belajar petang, belajar agama *gitu* [macam itu] petang-petang tahu, jadi saya *mintak* [minta] dia kawan saya *ni* [ini] tiga orang kawan tubuh persatuan. Dia boleh tulis Persatuan Khat, jadi Persatuan Khat *tu* [itu] secara *tak* [tidak] langsung dia buat juga aktiviti jawi. Jadi bila *dah* [sudah] Persatuan Khat *ni* [ini] saya selalu balik la penasihat kan, ada apa panggil mesyuarat agung setahun sekali saya balik. *Saje-saje* [sahaja-sahaja] *nak* [hendak] tengok *nak* [hendak] bagi nasihat dia cara *nak* [hendak] buat *ni* [ini] cara *nak* [hendak] dapat bantuan, cara *nak* [hendak] hubungi, *nak* [hendak] naikkan kita *ni* [ini], kita *nak* [hendak] peraduan' mulanya saya tahu peraduan orang buat, pemenang pun pertandingan khat ialah *lima puluh ringgit* [RM50], *tiga puluh ringgit* [RM30], jadi *tak* [tidak] boleh, malu rasa, biar Persatuan Khat *ni* [ini] biar kita *takdok* [tiada] *gi* [pergi] cari duit, kita bagi\_saya pun dapat duit daripada Dewan Bahasa, kita duk [duduk] *KL* [Kuala Lumpur] Utusan *sponsor* [menaja] *dua, tiga ribu* [RM2000, RM3000] jadi banyak duit dapat. Itu hidup persatuan dan sini pun cari *gak* [juga] kerajaan negeri bagi bila *dah* [sudah] hidup *tu* [itu] jadi tiap-tiap pemenang kita beri hadiah sampai *lima ratus* [RM500] *sorang* [seorang] nombor *satu* [1], nombor *dua* [2], *tiga ratus* [RM300] jadi *diorang* [mereka] baru ramai *nak* [hendak] mari, tidak *kalu* [kalau] bagi *sepuluh ringgit* [RM10], saguhati ada bagi *lima ringgit* [RM5], ada yang saguhati *tujuh* [7] orang *hok* [yang] akhir nombor *empat* [4], *lima* [5], *enam* [6], *tujuh* [7], *lapan* [8], *Sembilan* [9], *sepuluh* [10] *tu* [itu] saya ingat lagi *lima ringgit* [RM5] *sorang* [seorang] bagi. Jadi *tak* [tidak] padan lah, yang saguhati

berilah *lima puluh ringgit* [RM50] kata, lepas, walaupun pen kita sedia *belake* [semua]. Jadi barulah ramai orang mari jadi ahli. Jadi bila saya balik sini Persatuan Khat *ni* [ini] kira hampir mati *takde* [tiada] orang pemimpin *dah* [sudah]. Saya *duk* [duduk] *KL* [Kuala Lumpur], sebab *tu* [itu] saya pun terpaksa hadir, saya kata buat mesyuarat, *takde* [tiada] orang *nak* [hendak] jadi, dia tinggalkan jawatan, dia lantik saya penasihat lagi tapi jawatan yang *tu* [itu] dikosongkan *takde* [tiada] orang. *Diorang* [mereka] *pakat* [bekerjasama] (sambil ketawa) *dah* [sudah] sini saya *tak* [tidak] tahu *pakat* [bekerjasama] *nak* [hendak] lantik saya jadi Yang Dipertua *gak* [juga] tidak *tak* [tidak] boleh, *tak* [tidak] hidup, payah. Jadi, akhirnya saya terima lah *takpelah* [tidak mengape lah] saya terima *takde* [tiada] orang *dah* [sudah]. Orang ramai tapi dia *tak* [tidak] tahu cara hak berpersatuan, cara dia *nak* [hendak] pergi, *nak* [hendak] naikkan imej persatuan *tak* [tidak] boleh. Saya pegang *tu* [itu] lebih kurang dalam selepas saya bersara dalam *lima* [5] tahun ke *enam* [6] tahun, *lima* [5] tahun *dah* [sudah] saya bersara kemudian barulah kita ada *dulu* [dahulu] *tak* [tidak] tahu mana Persatuan Khat. Bila saya *start* [mula] jadi apa dia *ni* [ini] *tu* [itu] saya *mintak* [minta] dengan *TTI* [Taman Tamadun Islam] (sambil menepuk paha). Kita ada pejabat *TTI* [Taman Tamadun Islam], persatuan lain saya Persatuan Wartawan saya pimpin dan sedia Persatuan Wartawan Terengganu saya presiden, Persatuan Karya lagi *ni* [ini], apa lagi *ni* [ini] persatuan apa dia *ni* [ini] banyak, apa *ni* [ini] Majlis\_Veteran, Kelab Veteran *KL* [Kuala Lumpur] *takpe* [tidak mengapa] Pusat, kemudian Majlis Teater Terengganu, Majlis Pengarang dan Sastera Terengganu *takde* [tiada] persatuan *takde* [tiada] rumah, dia buat rumah saya dalam pejabat. Jadi Persatuan Khat *special* [khas] ada pejabat

khas di *TTI* [Taman Tamadun Islam]. *Kahu* [kalau] *gi* [pergi] di *TTI* [Taman Tamadun Islam] ada dia tulis Persatuan Khat Negeri Terengganu. *Dulu* [dahulu] masa saya pegang Persatuan Khat Terengganu baru dua tahun baru panda *ni* [ini]. Jadi baru kita naik buang Persatuan Khat Terengganu jadi naik Persatuan Khat Negeri Terengganu. Jadi ahli seluruh Terengganu. *Dulu* [dahulu] Kuala Terengganu *saje* [sahaja] sebab kita *nak* [hendak] naikkan *nak* [hendak] latih mereka yang berbakat dalam bidang seni khat *ni* [ini] di daerah Kuala Terengganu *je* [sahaja]. Jadi sekarang, seluruh negeri ada *dah* [sudah] kita buka cawangan, jawatankuasa kita ada la di Dungun ada, Kemaman ada, Setiu, Kuala Berang ada *belake* [semua]. Jadi baru boleh jadi Persatuan Khat Negeri Terengganu. *Dulu* [dahulu] ahlinya orang Kuala Terengganu *je* [sahaja] jadi setakat Kuala Terengganu *jelah* [sahaja lah]. Jadi saya fikir-fikir *tak* [tidak] jadilah luaskan lagi. Jadi *start* [mula] tahun lepas kita *nak* [hendak] adakan pertandingan khat di setiap daerah. Tiap-tiap daerah kita *nak* [hendak] buat di sekolah-sekolah tiap-tiap tahun. Sekarang *ni* [ini] orang daerah mari di Terengganu. Kita buat pertandingan di Perpustakaan Awam Terengganu, di Muzium Terengganu, di Taman Tamadun Islam situ *je* [sahaja] kita buat yang situ yang kita mampu buat tempat yang *sponsor* [menaja] kan *tak* [tidak] kena bayar dewan, kadang-kadang makan *diorang* [mereka] bagi. Jadi sekarang *ni* [ini] mungkin tahun *depan* [hadapan] kita buat setiap daerah *start* [mula] daripada Dungun Kemaman, setiu rata-rata kita kena buat barulah kita hidup balik, sebab saya pun *nak* [hendak] tumpu sepenuhnya pun *tak* [tidak] boleh, saya banyak persatuan lain *gak* [juga]. Saya *jugak* [juga] Presiden Persatuan Wartawan Terengganu kan jadi *dulu* [dahulu] saya Presiden Kelab Wartawan

Terengganu, *dah* [sudah] *takde* [tiada] *dah* [sudah] Kelab Wartawan Terengganu, jadi saya *ambik* [ambil] persatuan baru *nak* [hendak] Persatuan Wartawan Terengganu *ni* [ini] dia ada kursus kewartawanan di seluruh negeri. Baru tahun lepas kita buat kursus kepada semua sekolah-sekolah menengah di kawasan *KETENGAH* [Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah], *enam belas* [16], *empat belas* [14] buah sekolah, kursus sekolah menengah kita buat habis untuk kewartawanan hujung minggu. Kemudian yang lain-lain kita buat di kawasan Dun\_dipilih *tiga* [3] orang sebuah sekolah di Dungun. Kemudian di Setiu ke *dua* [2] orang di setiap sekolah *gitu* [begitu] lah. Tempat lain Besut *tak* [tidak] buat lagi. Kemudian kita juga antara persatuan-persatuan Terengganu *ni* [ini] kita buat kursus kewartawanan untuk apa nama *ni* [ini] para pelajar yang *nak* [hendak] masuk universiti. Budak habis *periksa* [peperiksaan] kita buat jadual, tahun *ni* [ini] *tak* [tidak] buat lagi, *tak* [tidak] tahu *nak* [hendak] buat ke *tak* [tidak] tahun *ni* [ini] (sambil ketawa). Jadi dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri, jadi masa Dato' Razali *acap* [sering] buat sebab kita baik, Dato' Razali jadi orang teater, orang kelab, drama, baca sajak, dia suka la. Kita rapat dia *SS* [Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman] *jugak* [juga] *ni*. Di *SS* [Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman] banyak dia buat drama. Kemudian kita Pejabat Pelajaran pilih para pelajar tingkatan *enam* [6] dan tingkatan *lima* [5] juga tingkatan *enam* [6] atas, dia *ambik* [ambil] *dua, tiga* [2, 3] buah sekolah semua yang terlibat dengan majalah sekolah di Terengganu. Masa *satu* [1] hari dia jemput makna *ni* [ini] kawan-kawan sekali la untuk bagi kursus, buat bengkel dan sebagainya. *Satu* [1] hari ramai pelajar, lebih kurang dalam *lima ratus* [500] orang *tu* [itu] yang paling

puncak lah. Kemudian akhirnya, budak-budak *ni* [ini] kita bawa melawat dia minta peruntukkan daripada wakil rakyat melawat ke tempat-tempat cetakan di *KL* [Kuala Lumpur], di Utusan, tahun lepas *gi* [pergi] Utusan. Dia tengok macam mana perkembangan surat khabar, majalah-majalah, jinakkan dia dengan bidang pengurusan. Lagi dari segi bidang penulisan kebanyakan yang saya sebenarnya daripada Kelantan lagi. Kelantan pun saya pernah pergi kursus masa kerja di Kelantan dulu [dahulu] dan ramai *jugak* [juga] *hok* [yang] saya bagi kursus macam apa *ni* [ini]\_ \_ \_ramai orang-orang budak-budak *ni* [ini] jadi pemberita jadi penulis (sambil menepuk paha). Di Terengganu pun ada *gak* [juga] *sorang* [seorang] dua, contoh Mat Zani Sulung sini, saya boleh email lah banyak *jugak* [juga] jadi orang yang minat macam Ibrahim Mamat, sampai boleh jadi ketua biro *dah* [sudah].

**Mariam** : **Adakah Tuan Haji minat menulis khat, tulisan khat?**

Tuan Haji : Saya memang minat daripada *dulu* [dahulu] *dah* [sudah] tapi saya *tak* [tidak] ada masa *nak* [hendak] *concentrate* [menumpukan perhatian] saya banyak buat mengarang, kalau saya menulis insyaAllah saya boleh menulis, *ni* [ini] pun boleh menulis *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] boleh, yang *tu* [itu] (sambil menunjukkan tulisan khat) saya buat *okay* [baik] *jugak* [juga]. *Puas* [bosan] *duk* [duduk] *saje* [sahaja] saya tulis *jugak* [juga] *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] tapi *tak* [tidak] berapa mahir macam budak sekarang *ni* [ini]. Orang *dah* [sudah] mahir, dia khat *ni* [ini] kena latih *sokmo* [selalu] kita berhenti masa kita kerja *kat* [dekat] Utusan langsung, *tak* [tidak] boleh menulis langsung. Masa sekolah *dulu* [dahulu] sekolah agama kita tulis, belajar benda *ni* [ini]. Sekarang sekolah agama ada belajar ada kelas, ada kan tulisan khat, *tak*



[tidak] ada, ada rasanya sekolah agama\_ \_ \_ada subjek tulisan khat ada sekolah agama. Saya tanya ustaz-ustaz yang saya pergi kursus-kursus jawi kan ada\_ \_ \_kurikulum dia ganti moral lah, ganti mata pelajaran apa pendidikan moral dia panggil.

**Mariam** : **Apakah cabaran semasa belajar tulisan khat?**

Tuan Haji : Tulisan khat *ni* [ini] saya sebenarnya belajar *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] *je* [sahaja] khat *ni* [ini] banyak jawi, kita banyak belajar jawi. Jadi kita *nak* [hendak] kita *dah* [sudah] *nak* [hendak] pinda ejaan jawi lama hingga ejaan jawi baru. Saya terlibat sama dalam apa *ni* [ini] *nak* [hendak] daripada tulisan lama ke baru, sebab tulisan baru macam jawi *ni* [ini] dia *dok* [tidak] macam *dulu* [dahulu] *takdok* [tiada] alif *takdok* [tiada] a macam bata, b ta alif, *takde* [tiada] alif, b alif ta alif *gitu* [macam itu] dia ada alif sekarang *ni* [ini] ejaan baru dia ikut sistem ejaan rumi tu [itu] *je* [sahaja] la. Khat *ni* [ini] kita kena mahir dengan tangan kita, tangan kita kena lembut, payah. Kita *ni* [ini] jenis keras jadi boleh la tulis *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] (sambil ketawa) susah *nak* [hendak] buat kerja. Cabaran *tu* [itu] banyak la, kadang-kadang kita apa la, *tak* [tidak] cantik la, kadang-kadang kita *frust* [kecewa] *gak* [juga] buat *tak* [tidak] tahu *je* [sahaja]. Tapi akhir kita buat sendiri-sendiri boleh la *sikit-sikit* [sedikit-sedikit]. Cara lambat *slow* [perlahan] *nak* [hendak] cepat-cepat *tak* [tidak] boleh.

**Aqilah** : **Apakah keistimewaa kelab khat?**

Tuan Haji : Kelab khat *ni* [ini] dari segi apa *ni* [ini] kita ada *nak* [hendak] jalankan aktiviti perkembangan seni jawi (sambil mencari fail) kita buat musabaqah

seni khat. Seni khat *ni* [ini] tahun (sambil membaca kertas) kita gabung semua *ni* [ini] Persatuan Khat jadi penaja lah. Anjuran Persatuan Khat Terengganu dengan kerjasama Lembaga Muzium Terengganu, Pejabat Pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Jadi kita gabung, kita *nak* [hendak] kembangkan seni khat *ni* [ini] satu budaya jadi satu budaya yang boleh diketengahkan. *Ni* [ini] sijil (sambil menunjukkan sijil khat) \_ \_ \_ \_ \_ . Oleh kerana ada Persatuan Khat *ni* [ini] macam urusan seminar pendidikan jawi dan manuskrip melayu. Dia ada tulisan khat dalam *tu* [itu]. Sebab kekurangan bahan *ni* [ini], khat adalah satu seni yang halus. Kita boleh kembangkan seni khat *ni* [ini] secara kita hayati keindahan dia, keindahan khat *ni* [ini] memang *kalu* [kalau] kita betul-betul menghayati kita terpesona *jugak* [juga] dengan keindahan dia. *Tu* [itu] lah rasanya pasal tulisan khat. Banyak benda-benda *ni* [ini], macam kita tubuh *ni* [ini] macam *TTI* [Taman Tamadun Islam] *ape ni* [apa ini] *nak* [hendak] tubuh kaligrafi islam. Kaligrafi *ni* [ini] ke arah meningkatkan lagi *ape ni* [apa ini] pengiktirafan seni khat di Malaysia *ni* [ini]. Sama *jugak* [juga] macam di Terengganu *nak* [hendak] tubuh pusat jawi sedunia di batu bersurat. Jadi ke arah *tu* [itu] kita kena kembangkan, saya pun ambil peluang ini untuk membantu kerajaan *jugak* [juga], membantu apa dia *ni* [ini] *TTI* [Taman Tamadun Islam] sendiri untuk memajukan benda *ni* [ini]. *Kalu* [kalau] kita *tak* [tidak] usaha *jugak* [juga], ianya *tak* [tidak] boleh, kita *je* [sahaja] orang-orang yang boleh main benda *ni* [ini], orang-orang kita *je* [sahaja] sebenarnya. Dia macam *nak* [hendak] buat. Jadi mungkin apa-apa pun dia akan dapat bantuan kita *jugak* [juga] pertolongan kita. Jadi, kita kena usaha lah. Persatuan Khat lah yang akan memartabatkan seni jawi ke, seni khat ke, kaligrafi ke, *nak* [hendak]

buat dunia jadi tempat rujukan tamadun islam seluruh dunia. Sebenarnya, orang yang *nak* [hendak] belajar jawi sebelum *ni* [ini] akan mari merujuk kepada kita *jugak* [juga] sebab jawi sekarang *dah* [sudah] berkembang bukan *saje* [sahaja] di Singapura, di Thailand ianya *jugak* [juga] hampir di seluruh dunia. Tamadun China pun ada, India, *ape ni* [apa ini] Istanbul. Cuma kita *ni* [ini] khat boleh katakan walau macam kita boleh majukan, kita boleh berkembang betul-betul khat *ni* [ini] dalam masa *sepuluh* [10], *dua* [20] tahun *ni* [ini] *je* [sahaja]. *Dulu* [dahulu] negara lain memang lama *dah* [sudah]. Sebab *tu* [itu] dalam pertandingan tahun lepas, pertandingan kaligrafi di Saudi Arabia yang buat pertandingan *tu* [itu], Istanbul yang menang. Lawa tulisan dia, yang *ketiga* [ke-3] China, yang *kedua* [ke-2] *je* [sahaja] boleh kita Malaysia, orang Terengganu. Itulah maknanya di negara-negara lain telah maju. Saya tengok dia tulis pun secara spontan orang-orang daripada China. Walaupun kita tengok *tak* [tidak] cantik tapi dia cepat. Dia orang China dia boleh tulis jawi, pandai jawi. Ada lecturer [pensyarah] universiti saya *dulu* [dahulu] ada *tak* [tidak] ingat nama-nama dia, nama-nama dia *blake* [semua]\_*tak* [tidak] tahu. Banyak kad *ape tu* [apa itu] ada *tiga puluh* [30] keping *ape ni* [apa ini] *tiga puluh* [30] fail *dah* [sudah] kad (sambil menunjukkan ke arah bekas yang berisi kad). *Tak* [tidak]\_cari, *tak* [tidak] jumpa *dah* [sudah]. *Tak* [tidak] tanda tahun-tahun berapa, semua dia bagi (sambil menunjukkan kertas tulisan khat).

- Aqilah** : **Seterusnya, apakah sumbangan kelab khat kepada bidang pendidikan?**
- Tuan Haji : (sambil membelek kertas) Pendiidikan *ni* [ini] banyak kita tumpukan kepada pembelajaran dalam kelas sebab kebanyakan budak-budak *ni* [ini] budak-

